

PENANG  
2030



# SIDANG WANITA PULAU PINANG 2021

*'Penyambung Legasi Kumpulan Perintis'*



DEWAN UNDANGAN NEGERI



# *Peranan dan Keahlian Dewan Undangan Negeri*

Secara umumnya peranan Dewan Undangan Negeri adalah untuk menggubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dipanggil Enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Peranan DUN yang seterusnya adalah memantau institusi pemerintah iaitu jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Ahli-ahli DUN bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya, DUN juga berperanan sebagai pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.

Sumber : Laman Sesawang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.



# ISI KANDUNGAN

<b>Perutusan YAB Tuan Chow Kon Yeow</b>	<b>04</b>
<b>Perutusan YB Dato' Law Choo Kiang</b>	<b>05</b>
<b>Perutusan YB Puan Chong Eng</b>	<b>06</b>
<b>Perutusan YB Puan Lim Siew Khim</b>	<b>07</b>
<hr/>	
<b>01 Pengenalan</b>	
• Ringkasan Eksekutif	09
• Objektif Sidang Wanita	10
• Impak Sidang Wanita	10
• Perjalanan Sidang Wanita Pulau Pinang	11
• Sidang Media	12
<hr/>	
<b>02 Perjalanan Proses Persediaan dan Pemilihan</b>	<b>16</b>
Perwakilan	
• Jelajah	15
• Sesi Induksi	20
• Bengkel Pembangunan Kapasiti	22
• Pemilihan Akhir	32
• Bengkel Persediaan Perwakilan	33
• Penerimaan Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis	34
• Mesyuarat EXCO Sidang Wanita	35
<hr/>	
<b>03 Sidang Wanita Pulau Pinang 2021</b>	
• Hari Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021	37
• Perwakilan Sidang Wanita 2021	45
• Pelan Tempat Duduk Perwakilan	65
• Barisan Pembantu EXCO	66
• Infografik & Statistik Perwakilan	67
• Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2021	69
<hr/>	
<b>Penghargaan</b>	<b>70</b>
<hr/>	
<b>Agenda Pemerkaaan Wanita di Pulau Pinang</b>	<b>71</b>
<hr/>	
<b>Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang (ASWIP)</b>	<b>72</b>
<hr/>	
<b>Glosari</b>	<b>73</b>
<hr/>	
<b>Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang</b>	<b>74</b>

22

Bengkel  
Pembangunan  
Kapasiti



24

Sesi Penilaian Advokasi  
ketika Bengkel  
Pembangunan Kapasiti



27

Lawatan Lapangan  
Bersama Wakil Rakyat

33

Bengkel Persediaan  
Perwakilan



33

Bengkel Persediaan  
Perwakilan

37

Sidang Wanita 2021



40

Sesi Perbahasan di  
Sidang Wanita 2021



## *Perutusan Ketua Menteri Pulau Pinang*

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada 40 orang peserta yang telah layak ke peringkat akhir daripada keseluruhan 275 orang peserta yang telah menyertai sesi Sidang Wanita Pulau Pinang 2021.

Setingga penghargaan dan tahniah juga kepada Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) yang begitu komited dalam melestarikan inisiatif Sidang Wanita ini bermula tahun 2020.

Saya amat bangga dengan program Sidang Wanita yang telah menjadi platform untuk mengasah bakat kepimpinan serta mendorong para wanita tentang kepentingan wanita berkecimpung dalam bidang politik dan betapa perlunya perwakilan wanita dan lelaki adalah prinsip wajib dalam sistem demokrasi.

Kejayaan penganjuran pada tahun pertama telah menjadi kayu ukur terutama dalam memperkasakan kaum wanita dan kepimpinan sehingga ia telah diterima baik dan tersebar ke luar negeri ini. Lensa baru ini telah membuka mata ramai pihak tentang kepentingan penyertaan wanita dalam agenda pembangunan negeri dan negara.

Melalui pelaksanaan platform ini, Kerajaan Negeri berharap akan berlaku peningkatan peratusan perwakilan wanita dalam peringkat pembuat keputusan, selaras dengan Dasar Keterangkuman Gender yang diperkenalkan bagi mewujudkan keseimbangan gender yakni 40:40:20 iaitu 40 peratus wanita, 40 peratus lelaki dan 20 peratus terbuka kepada wanita dan lelaki yang berkelayakan.

Kerajaan Negeri percaya apabila setiap perspektif dan keperluan wanita dan lelaki diambil kira dalam membuat keputusan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian, pastinya kualiti kehidupan rakyat mencapai tahap yang lebih baik dari sebelumnya.

Sekian, terima kasih.

**YAB Tuan Chow Kon Yeow**



# *Perutusan YB Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang*

Menggalas jawatan sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya berpeluang untuk melawat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Dewan Rakyat (Parlimen) di negara-negara lain. Satu perkara yang menarik perhatian saya adalah terdapat negara-negara yang menonjolkan kelainan dengan penglibatan lebih ramai wanita yang bersidang dalam Parlimen termasuklah yang berada dalam kabinet.

Perkara ini membuka mata saya tentang situasi di negara kita yang masih kekurangan perwakilan wanita dalam DUN dan Parlimen. Penglibatan wanita Malaysia dalam penguasaan politik menunjukkan satu jurang yang sangat besar berbanding lelaki.

Merujuk Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) 2020, skor wanita dalam sub-indeks penguasaan politik adalah yang terendah berbanding sub-indeks yang lain iaitu hanya 0.1. Dengan aspirasi untuk memacu kesaksamaan gender dalam bidang politik, saya komited untuk terus menyokong penganjuran Sidang Wanita secara tahunan.

Penerbitan Sidang Wanita yang dihasilkan oleh PWDC merupakan satu langkah proaktif untuk mendokumentasikan program ini. Edaran penerbitan yang dibuat ke seluruh negara dapat memberikan inspirasi kepada negeri-negeri lain untuk terus menyokong kesaksamaan gender.

Penulisan ini walaupun bersifat laporan dan perincian program, namun ia akan memberi gambaran jelas metodologi yang digunakan oleh Pulau Pinang untuk membina kapasiti dan mempersiapkan wanita. Selain itu, penerbitan ini juga akan memberi pemahaman tentang keperluan mendesak untuk semua pihak merapatkan jurang gender dalam politik.

Persidangan Sidang Wanita 2021 memperlihatkan perbahasan yang matang dan professional. Para peserta dapat menambah ilmu mengenai etika dan peraturan yang perlu dipatuhi sebagai seorang ADUN yang berwibawa dengan penglibatan mereka.

Saya yakin bahawa Sidang Wanita telah menghidupkan demokrasi di negeri Pulau Pinang dan merupakan satu langkah awal untuk mendemokrasikan dewan malahan juga dapat memartabatkan peranan wanita dalam arena politik.

Tahniah dan syabas kepada semua peserta Sidang Wanita 2021 yang berani tampil menyahut cabaran dalam kepimpinan. Teruskan berkhidmat kepada rakyat. Semoga usaha ini akan membawa hasil dengan kejayaan anda kelak.

Pemerkaaan Wanita Demi Manfaat Bersama

**YB Dato' Law Choo Kiang**



## *Perutusan EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwai Bukan Islam*

Salam sejahtera !

Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 merupakan kesinambungan daripada kejayaan edisi yang pertama pada tahun 2020 yang lepas. Pada edisi kali ini, Sidang Wanita telah maju dan berevolusi hingga terdapat penyertaan dari luar Pulau Pinang. Ini membuktikan bahawa Sidang Wanita telah dikenali sebagai sebuah program yang menitikberat bakat pemimpin wanita dalam bidang politik.

Program ini dirangka khas untuk wanita bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tugas wakil rakyat serta perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN). Dengan adanya program sebegini, perwakilan wanita dapat ditingkatkan dalam politik dan jurang gender dapat dikurangkan.

Kepentingan kelestarian penganjuran Sidang Wanita secara tahunan dilihat mustahak untuk menambah perwakilan wanita dalam politik. Penyertaan dalam Sidang Wanita boleh dijadikan langkah pertama buat para wanita dari pelbagai latar belakang menceburkan diri dalam politik. Inisiatif ini dijangka akan menyumbang kepada kejayaan sasaran Visi Pulau Pinang2030 iaitu meningkatkan penyertaan wanita dalam kehidupan masyarakat.

Sidang Wanita Pulau Pinang pada hari ini telah menjadi satu platform untuk wanita di negeri ini meningkatkan kapasiti diri dan menambah potensi diri. Selain itu, platform ini juga memberi ruang kepada para wanita merasai pengalaman melalui sesi persidangan dalam Dewan Undangan Negeri. Peluang ini telah digunakan sebaiknya oleh para wanita yang terlibat dalam edisi kali ini.

Saya juga amat berbesar hati melihat sokongan padu daripada wakil rakyat yang terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Dewan Rakyat (Ahli Parlimen) dan Ahli Dewan Negara (Senator). Penglibatan wakil rakyat dapat memberi ruang dan peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dengan pemimpin negeri serta bersama membincangkan pengalaman dan pengetahuan mengenai bidang tugas mereka. Melalui kuasa politik, perubahan yang baharu mudah dilakar oleh individu yang memegang tampuk kepimpinan.

Walaupun skor indeks jurang gender di Malaysia masih menunjukkan satu jurang yang sangat besar terutamanya dalam domain pemerkasaan politik, saya bangga dengan hasil daripada perlaksanaan Sidang Wanita iaitu dengan penubuhan Persatuan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang (ASWIP). Ini adalah salah satu contoh para wanita dalam inisiatif menghilangkan rasa segan atau takut dan bertindak melangkah ke dunia untuk merapatkan jurang gender.

Percayalah bahawa akan lebih banyak platform dan peluang yang akan disediakan kepada para wanita untuk menjadi wakil rakyat yang sama-sama terlibat dalam proses membuat keputusan. Dengan kejayaan penganjuran Sidang Wanita 2021, tidak mustahil inisiatif kerusi tambahan untuk wanita di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan terlaksana kelak.

Tambah Perwakilan Wanita Untuk Manfaat Semua!

**YB Puan Chong Eng**



# *Perutusan Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2021*

Sidang Wanita telah melakar sejarah dengan menampilkan lebih ramai penyambung legasi kumpulan perintis. Kesinambungan penganjuran ini adalah penting untuk memastikan usaha-usaha dalam memperkasakan agenda wanita akan berterusan.

Sidang Wanita dirangka khas bersandarkan format Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang sebenar. Tujuannya adalah untuk memperkasakan wanita dan memberi pendedahan tentang bidang tugas wakil rakyat. Struktur program yang telah dibina secara komprehensif ini terdiri daripada beberapa komponen iaitu pemahaman dan pendidikan, pembangunan kapasiti, lawatan lapangan dan platform untuk mengasah bakat.

Ingin ditekankan bahawa penganjuran dan pengisian Sidang Wanita bukanlah berkiblatkan matlamat sempit untuk mendorong wanita ke bidang politik semata. Akan tetapi matlamatnya jauh lebih besar untuk menambah perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan walau apa jua kapasiti mereka.

Wanita sebenarnya mempunyai potensi yang besar dalam bidang kepemimpinan, maka bakat mereka perlu digilap dan akses yang diberikan perlulah sama rata. Dengan adanya platform khas ini, lebih ramai wanita dapat tampil menawarkan diri dan menjadikan perwakilan wanita satu norma.

Pengisian program yang dirangka mampu memberikan nilai tambah dan kemahiran-kemahiran dalam kepemimpinan untuk meningkatkan keupayaan peserta. Hasilnya, kumpulan ini akan lebih berani dan bermotivasi untuk tampil dan menyuarakan pandangan serta komited dalam apa jua bidang yang diceburi.

Penerbitan Sidang Wanita 2021 dihasilkan dengan meneliti perjalanan program serta perincian setiap fasa dan komitmen penganjuran. Kita yakin dengan adanya penerbitan ini akan dapat meluaskan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pemahaman awam terhadap pemerkasaan wanita dalam bidang politik.

Bagi yang telah bertungkus lumus dalam perlaksanaan Sidang Wanita 2021, ingin saya ucapkan sekalung penghargaan dalam menjayakan program yang berkualiti dan bermakna ini.

Wanita Hebat Kesejahteraan Rakyat !

**YB Puan Lim Siew Khim**

# 01

## PENGENALAN

SIDANG WANITA  
PULAU PINANG

# ***Ringkasan Eksekutif***

## ***Pengenalan kepada program Sidang Wanita Pulau Pinang***

**Sidang Wanita merupakan satu platform khas untuk wanita di Pulau Pinang mengasah dan mengetengahkan bakat dalam bidang kepimpinan terutamanya dalam arena politik. Program ini dirangka khas untuk wanita bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tugas wakil rakyat serta perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN).**

Program ini menyasarkan wanita tanpa mengira latar belakang dari seluruh negara untuk mencungkil dan mengetengahkan bakat mereka untuk ke peringkat yang lebih tinggi. Struktur program ini dibina secara komprehensif yang terdiri daripada beberapa komponen iaitu pembangunan kapasiti, latihan lapangan dan platform khas untuk peserta mengaplikasikan pengetahuan baharu.

### **Jelajah Maya**

Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang adalah platform untuk menghimpun semua peserta yang berdaftar. Jelajah ini bertujuan untuk memberi pemahaman dengan lebih mendalam tentang program serta merupakan proses penilaian awal dalam pemilihan perwakilan untuk Sidang Wanita.



### **Sesi Induksi**

Sesi Induksi telah dijalankan secara maya melalui platform *ZOOM* dengan mengumpulkan semua perwakilan terpilih dari tapisan pertama. Peserta dipecahkan kepada beberapa *breakout room* dan diberikan topik-topik tertentu untuk perbincangan. Ini merupakan Sesi Suai Kenal dan Sesi Pemanas Minda selain taklimat perjalanan Sidang Wanita turut diberikan.

### **Bengkel Pembangunan Kapasiti**

Bengkel Pembangunan Kapasiti selama dua (2) hari dirangka untuk peserta-peserta wanita yang terpilih dari proses tapisan Jelajah Sidang Wanita pada Fasa 1. Bengkel ini merupakan proses tapisan terakhir untuk pemilihan peserta untuk ke hari kemuncak persidangan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bengkel ini juga telah dirangka untuk mempersiapkan peserta dengan kemahiran dan pemahaman terhadap sistem demokrasi di Malaysia.



### **Bengkel Persediaan Perwakilan**

Bengkel Persediaan Perwakilan dijalankan khas untuk 40 perwakilan dan 11 pembantu yang terpilih ke Fasa 4 iaitu Hari Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021. Bengkel ini adalah sebagai persediaan kepada para perwakilan untuk lebih memahami proses memasukkan dan menjawab Soalan Lisan dan Bertulis. Selain itu, peserta diberi pemahaman tentang Peraturan Mesyuarat serta format persidangan.

### **Hari Persidangan**

Setelah melalui fasa saringan dan fasa persediaan, para peserta yang terpilih akan bersidang pada hari kemuncak yang mana mereka akan dikumpulkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan bersidang dengan menggunakan format Dewan Undangan Negeri (DUN).

## *Objektif Sidang Wanita*

1

3

## *Impak Sidang Wanita*

275  
100  
40

275

100

40

Mendedahkan bakal pemimpin wanita kepada pelbagai topik termasuk kepimpinan politik, pemerksaan wanita, tadbir urus baik, penyertaan masyarakat dan kesaksamaan gender.

Memberi pemahaman mengenai proses membuat keputusan di Malaysia dan perjalanan persidangan DUN serta kepentingan perwakilan wanita dalam peringkat pembuat keputusan.

Menyediakan platform untuk para peserta berpeluang simulasi sebagai wakil rakyat.

Seramai **275 wanita** yang menyertai mendapat kefahaman dengan lebih mendalam berkaitan **sistem politik, pentadbiran kerajaan dan amalan demokrasi** di Pulau Pinang dan Malaysia.

**100 pemimpin wanita** terpilih untuk meningkatkan keyakinan diri melalui **program pembangunan kapasiti**.

**40 pemimpin wanita** terpilih ke peringkat **Persidangan Sidang Wanita** untuk mengetengahkan wanita berkaliber dan berpotensi dalam bidang politik

# Perjalanan Sidang Wanita Pulau Pinang

01

Pendaftaran Atas Talian  
13 Julai - 13 Ogos 2021



02

Jelajah Maya  
21 Ogos 2021

03

Sesi Induksi  
25 September 2021



04

Bengkel Pembangunan  
Kapasiti  
23 & 24 Oktober 2021

05

Pemilihan Akhir  
26 Oktober 2021



06

Bengkel Persediaan  
Perwakilan  
30 Oktober 2021

07

Mesyuarat EXCO  
Sidang Wanita  
16 November 2021



08

Penerimaan Pertanyaan  
Jawab Lisan & Bertulis  
18 November 2021

Sidang Wanita Pulau  
Pinang 2021  
4 Disember 2021



# *Sidang Media*

*Jemputan penyertaan dan pencarian penyambung legasi kumpulan perintis*

Pada Selasa, 13 Julai 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 yang merupakan edisi yang kedua. Pengumuman ini telah dibuat oleh Yang Berhormat Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Sidang media ini dijalankan secara dalam talian memandangkan Pulau Pinang masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Disiarkan secara langsung melalui laman Facebook PWDC dan telah mendapat sambutan hangat daripada media dan ramai pemegang taruh. Kejayaan Sidang Wanita edisi yang pertama meningkatkan lagi populariti dan penerimaan orang awam terhadap program ini.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Puan Chong Eng menyeru agar semua wanita dari seluruh negara untuk tampil bersama menyahut cabaran dengan menyertai Sidang Wanita. Tambahan lagi, Sidang Wanita merupakan satu platform terbaik untuk para wanita di luar sana untuk mencungkil bakat dalam kepimpinan dan menambah potensi diri.

Sidang Wanita telah dirangka khusus untuk mencungkil bakat para pemimpin wanita dengan memberi pendedahan bidang tugas wakil rakyat; sama ada dalam kalangan pemimpin komuniti, korporat, kerajaan, politik mahupun usahawan. Program ini memberi peluang kepada peserta untuk membahas isu-isu dan mengetengahkan idea seperti penglibatan masyarakat dalam hal kesaksamaan gender serta pemerkasaan wanita.

Program ini juga mampu membina kepimpinan wanita dalam hal pembangunan negeri dan tadbir urus yang baik. Selain itu, tujuan utama Sidang Wanita adalah untuk menambah perwakilan wanita dalam politik dan juga dalam kumpulan pembuat keputusan.

Penganjuran Sidang Wanita adalah sejarah dengan Visi Penang2030 Tema C yang menekankan pemerkasaan warga Pulau Pinang demi memperkuatkannya penyertaan rakyat atau “*Empower People to Strengthen Civic Participation*”. Dengan lebih ramai pemimpin wanita terlibat dalam arena politik, maka lebih ramailah penyertaan golongan wanita dalam pembangunan negeri.

Pada sidang media tersebut, YB Puan Chong Eng juga telah memaklumkan bahawa pihak PWDC telah mendokumentasikan perjalanan Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 (Edisi Yang Pertama) dalam bentuk penerbitan. Penerbitan Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 telah dicetak sebanyak 1000 naskah dan telah diedarkan ke negeri-negeri seluruh negara untuk tujuan berkongsi pengetahuan dan panduan. Beliau berharap dengan adanya penerbitan ini akan memberi inspirasi kepada negeri-negeri lain untuk mewujudkan sidang khas untuk wanita di negeri-negeri lain.

YB Puan Chong Eng turut menyentuh berkenaan skor Indeks Jurang Gender Malaysia daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan

“  
PROGRAMINI JUGA MAMPU MEMBINA KEPIMPINAN WANITA DALAM HAL PEMBANGUNAN NEGERI DAN TADBIR URUS YANG BAIK. SELAIN ITU, TUJUAN UTAMA SIDANG WANITA ADALAH UNTUK MENAMBAH PERWAKILAN WANITA DALAM POLITIK DAN JUGA DALAM KUMPULAN PEMBUAT KEPUTUSAN

**YB PUAN CHONG ENG**



satu jurang yang sangat besar dalam Pemerkasaan Politik iaitu 0.11, di mana Skor 1.0 adalah kesamarataan. Peratusan ADUN wanita Pulau Pinang hanya pada tahap 15% berbanding ADUN lelaki. Peratusan perwakilan wanita di Dewan Rakyat juga adalah dalam lingkungan peratusan yang sama iaitu, 14.9%.

Manakala di peringkat antarabangsa, mengikut Kesatuan Antara Parlimen (Inter-Parliamentary Union) yang mengukur perwakilan wanita dalam Parlimen di seluruh dunia, Malaysia berada pada tangga ke-140 daripada 182 negara.

Situasi ini membuktikan bahawa kita perlu lebih banyak platform dan peluang untuk membawa pemimpin wanita ke peringkat membuat keputusan, baik di Dewan Rakyat mahupun di DUN.



Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 turut hadir pada sesi sidang media tersebut. Dalam ucapannya, beliau menerangkan format penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 yang telah ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Petugas.

Kaedah penganjuran edisi 2021 menggunakan format yang sama dengan edisi tahun lalu di mana terdapat penambahbaikan yang akan dibuat berdasarkan maklum balas daripada penganjuran edisi yang pertama pada 2020. Pada edisi kali ini, Sidang Wanita dianjurkan dengan 5 fasa iaitu, Jelajah, Sesi Induksi, Bengkel Pembangunan Kapasiti, Bengkel Persediaan dan Hari Persidangan. Bengkel Persediaan Perwakilan merupakan penambahbaikan yang dijadikan fasa tambahan untuk menjadikan proses penyediaan peserta akan lebih sistematik.

Beliau turut menyuruh semua wanita untuk tampil ke depan bagi menjayakan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021. Baginya, kelestarian legasi Sidang Wanita ini adalah penting untuk memastikan usaha-usaha dalam memperkasakan agenda wanita akan berterusan dan tidak akan terhenti.

Sidang Wanita terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang pendidikan, politik, kerjaya dan sebagainya. Beliau menjelaskan bahawa pihak Jawatankuasa Petugas tidak menghadkan atau meletakkan banyak kriteria dalam pemilihan. Syarat yang ada hanyalah wanita warganegara yang berusia 18 tahun dan ke atas.

Turut hadir ke sidang media tersebut adalah YB Puan Kasthuriaani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan merangkap Ahli Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2021, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah PWDC dan Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC.



# 02

## PERJALANAN PROSES PERSEDIAAN & PEMILIHAN PERWAKILAN

SIDANG WANITA  
PULAU PINANG

# *Jelajah*

## *Mendekati dan mendepani para perwakilan secara maya*



**Kekangan pergerakan bukan penghalang untuk wanita bertindak dan meneruskan perjuangan agenda mereka. Mengadaptasi norma baharu pasca pandemik, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) selaku jawatankuasa pengelola telah menjalankan Jelajah maya bagi mendekati dan menyantuni 275 peserta wanita yang telah mendaftar untuk Edisi Kedua.**

Menggunakan konsep virtual studio, sekretariat telah bersiaran dari Tingkat 28, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) ke seluruh pelosok negara. Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 telah diterima baik dan mendapat sambutan hangat daripada semua peserta. Puan Rafieqah Mohd Razlan, Pegawai Kanan Pemerksaan Wanita dan Kepimpinan dan Encik Izwan Ali Imran Wazani, Pegawai Kanan Program Pemerksaan Wanita dan Kepimpinan telah mengambil peranan sebagai pengacara program.

Peserta yang bertebaran dari seluruh negara berada di rumah masing-masing mengikuti Jelajah ini dengan menggunakan peranti peribadi seperti telefon pintar atau komputer riba dengan mengakses melalui aplikasi ZOOM. Jarak bukanlah penghalang dengan kemudahan teknologi serba canggih ini kita mampu berhubung walau di mana kita berada. Jelajah ini turut disiarkan secara dalam talian di Laman Facebook *Penang Women's Development Corporation – PWDC*.

Jelajah telah dibahagikan kepada 4 bahagian di mana bahagian satu telah dimulakan dengan Bicarawara : Halatuju Sidang Wanita Pulau Pinang 2021. Kemudian diikuti dengan Sesi Perkongsian Bersama dua orang wakil rakyat sebelum diteruskan dengan Majlis Pelancaran Jelajah oleh Ketua Menteri. Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 ditutup dengan sesi bersama wakil rakyat di mana peserta dipecahkan dalam kumpulan kecil (*Breakout Room*) dan dipadankan bersama wakil rakyat.

### **Bicarawara : Halatuju Sidang Wanita Pulau Pinang 2021**

Bicarawara : Halatuju Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 menjadi pembuka tirai kepada Jelajah Sidang Wanita. Bicarawara ini menyaksikan Cik Nur Ain Suraya Ibrahim, Pegawai Program Pemerksaan Wanita dan Kepimpinan bertindak selaku moderator. Ahli panel yang pertama ialah Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang. Manakala Ahli Panel yang kedua ialah Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC.

Bicarawara ini bertujuan untuk memberi gambaran penuh kepada peserta dan masyarakat di luar sana tentang Sidang Wanita Pulau Pinang. Pendekatan bicarawara dipilih bagi mewujudkan komunikasi dua hala yang mana peserta dan orang awam yang mengikuti melalui Zoom boleh berinteraksi dengan ahli-ahli panel. Soalan-soalan serta pandangan diambil dari *chat box* dan juga maklumbalas di Facebook.

Dalam bicarawara tersebut, YB Puan Lim Siew Khim menerangkan tentang rasional menganjurkan Sidang Wanita saat pandemik ini. Ulasnya, pandemik sememangnya memberi impak yang besar kepada manusia. Namun begitu, tiada alasan untuk melambatkan atau mengetepikan harapan atau visi yang ditetapkan walaupun penuh dengan cabaran. Beliau turut menyokong penganjuran Sidang Wanita ini kerana pengurusan COVID-19 berteraskan gender sangat diperlukan.

YB Puan Lim Siew Khim turut menyentuh berkenaan peningkatan keskes keganasan rumah tangga terhadap wanita dan kanak-kanak yang perlu ditangani dengan lebih cekap dan efisien. Dalam fasa pandemik ini, masalah keganasan rumah tangga dilihat kian meruncing. Oleh itu, peranan dan penglibatan wanita adalah penting dan pastinya akan dapat memberi pandangan dan solusi yang lebih bersesuaian.

Bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh moderator berkenaan pengkhususan Sidang ini yang dirangka khas untuk wanita, Puan Ong Bee Leng memetik data yang dikeluarkan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang mengkaji jurang gender di negara ini. Perbezaan gender di Malaysia diukur dalam empat domain iaitu kesihatan, pendidikan, ekonomi dan politik.

Antara empat domain yang dinyatakan, domain kesihatan dan pendidikan telah mencapai nilai kesamarataan (1.0). Ini bermaksud lelaki dan perempuan mempunyai peluang yang sama dalam kedua-dua sektor tersebut. Walaupun begitu, rakyat Malaysia masih lagi ketinggalan dari segi ekonomi, di mana jurang gender yang dicatatkan adalah pada kadar 0.73.

**“  
PARA WANITA YANG HEBAT, BERBAKAT DAN KOMITED  
TAMPIL KE HADAPAN MEMBAWA AGENDA WANITA AGAR  
SUARA KITA DAPAT DIDENGARI**

**YB PUAN LIM SIEW KHIM**

Keadaan yang lebih buruk dilihat berlaku dalam sektor politik yang mana jurang gender adalah sangat besar iaitu 0.11 daripada kadar sama rata 1.0. Perbezaan yang ketara ini adalah faktor penting untuk mewujudkan satu platform khas yang bersekuai untuk wanita ke hadapan dalam arena politik. Beliau percaya dengan pengajuran Sidang Wanita akan menguatkan lagi semangat juang dan memberikan keyakinan serta kapasiti kepada wanita untuk menceburti arena politik.

Bicarawara ini turut memberikan gambaran jelas perjalanan Sidang Wanita 2021 serta tanggungjawab peserta. Selain itu, ahli panel turut berkongsi perkembangan peserta edisi yang pertama serta inisiatif-inisiatif yang akan diambil untuk menambah perwakilan wanita dalam politik.

Sebelum menamatkan sesi, YB Puan Lim Siew Khim menyelitkan saranan kepada peserta dan wanita di luar sana untuk meningkatkan pemahaman dan lebih cakna dalam hal ehwal politik semasa. Beliau turut menegaskan bahawa para wanita perlu berani untuk tampil menerajui negara supaya dapat mengisi dan merapatkan jurang gender sekurang-kurangnya sebanyak 30 peratus.

#### **Perkongsian Bersama Wakil Rakyat**

Sesi yang ketiga untuk jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang adalah perkongsian bersama wakil rakyat. Jelajah kali ini telah menampilkan dua orang wakil rakyat iaitu YB Puan Syerleena Abdul Rashid, ADUN Seri Delima dan YB Puan Kasthuriaani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan sebagai speaker.

Sesi ini dimulakan dengan perkongsian YB Puan Syerleena Abdul Rashid yang berkisar perjalanan beliau menceburti bidang politik. Dipermulaan perkongsiannya, beliau menzahirkan rasa kagum dan bangga dengan kejayaan kumpulan perintis Sidang Wanita Edisi Pertama tahun lalu sangat berani dan berkeyakinan tinggi. Kumpulan ini perlu dijadikan contoh untuk sama-sama tampil untuk menambah potensi diri.

Sebagai seorang wanita di Malaysia, beliau berpendapat bahawa wanita perlu melibatkan diri dalam sektor politik. Wanita juga perlu ada suara dan mesti melibatkan diri dalam politik dan aktivisme. Patriarki di Malaysia telah menjadi norma sejak sekian lama, justeru wanita perlu lebih kuat dan bertindak dalam memecah tradisi bagi menambah perwakilan wanita dalam politik.

Diakhir perkongsiannya, beliau mengingatkan para wanita untuk tidak berputus asa jika terdapat sesuatu tantangan atau cabaran dalam apa jua langkah yang diambil. Wanita perlu bertekad untuk mengatasi cabaran tersebut dengan berani. Jangan sesekali berasa keseorangan kerana ada sistem sokongan yang boleh membantu dan wanita boleh saling bergantung antara satu sama lain. Beliau turut menyimpulkan bahawa pergerakan untuk memperjuangkan hak wanita dan gender adalah sesuatu yang perlu dilakukan oleh semua golongan termasuklah golongan lelaki.

Panel yang kedua untuk sesi ini ialah YB Puan Kasthuriaani Patto, beliau memulakan sesi perkongsian dengan mengimbau kejayaan Sidang Wanita Edisi Pertama yang telah mengukir sejarah di negara ini kerana menjadikan Pulau Pinang negeri yang pertama yang menganjurkan sidang wanita khas untuk wanita sahaja.

Sidang Wanita telah menjadi satu platform yang mana suara-suara wanita, isu-isu wanita termasuk isu-isu setempat, isu keluarga, isu perlindungan, isu pembangunan sosial, isu kanak-kanak, isu anak muda, isu wanita rentan, isu warga emas dan isu Orang Kurang Upaya (OKU) turut dibahaskan.

Suara wanita perlu bergema dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Dewan Rakyat (Parlimen) kerana ia adalah platform untuk membawa isu-isu masyarakat, di mana satu keputusan, satu dasar, satu polisi atau satu undang-undang akan digubal. Justeru suara



Puan Rafieqah Mohd Razlan

Perbadanan Pembangunan Wanita  
Pulau Pinang (PWDC)

Encik Izwan Ali Imran Wazani

Perbadanan Pembangunan Wanita  
Pulau Pinang (PWDC)



wanita adalah penting untuk memastikan semak imbang dalam setiap keputusan yang dibuat agar tidak cenderung kepada lelaki sahaja.

YB Puan Kasthuriraani turut berkongsi mengenai Sidang Wanita yang telah menjadi inspirasi kepada Negeri Sembilan yang mana YB Puan Nicole Tan Lee Koon EXCO Hal Ehwal Wanita, Keluarga Dan Kebajikan di negeri tersebut telah menggunakan idea dan model Sidang Wanita Pulau Pinang. Baginya idea yang bernaas ini perlu diangkat untuk mengumpul semua wanita yang berkecenderungan untuk bergiat dalam arena politik dan seterusnya membentuk satu pasukan yang kuat dan boleh mengolah atau menukar masa depan negara.

Tegasnya lagi, penglibatan dan penambahan perwakilan wanita dalam politik dapat menjunjung hak asasi manusia serta hak wanita untuk memastikan tiada siapa yang ketinggalan atau “*no one left behind*”. Para wanita digalakkan untuk menggunakan peluang keemasan mencari kawan baru dan membina rangkaian.

YB Puan Kasthuriraani turut mengulas berkenaan perwakilan wanita dalam Parlimen yang masih belum mencapai lagi tahap 30 peratus. Katanya pada ketika ini hanya 31 orang sahaja wanita dalam Dewan Rakyat daripada jumlah keseluruhan ahli iaitu 222. Beliau percaya dengan usaha jitu dan sokongan semua pihak, angka ini dijangka akan terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang.

Perjuangan dalam memperkasakan wanita bukanlah perjuangan yang boleh diukur kejayaannya dalam tempoh satu hari. Usaha berterusan serta kesinambungan adalah amat penting dalam memastikan kesaksamaan gender dapat dicapai.

#### **Majlis Pelancaran Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2021**

Berlangsung dari Tingkat 28 Kompleks Tun Abdul Razak, George Town, Majlis Pelancaran Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Majlis ini merupakan salah satu pengisian jelajah yang mana telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam. Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa Sidang Wanita 2021 merupakan kesinambungan kejayaan penganjuran Sidang Wanita Edisi Pertama tahun lalu.

**PENGLIBATAN DAN PENAMBAHAN PERWAKILAN WANITA DALAM POLITIK DAPAT MENJUNJUNG HAK ASASI MANUSIA SERTA HAK WANITA UNTUK MEMASTIKAN TIADA SIAPA YANG KETINGGALAN**

**YB PUAN KASTHURIRAANI PATTO**



Pada hari ini, Sidang Wanita telah berkembang di mana sekretariat telah menerima penyertaan dari luar Pulau Pinang. Ini membuktikan bahawa Sidang Wanita telah dikenali di seluruh Malaysia sebagai sebuah program yang mengetengahkan bakat pemimpin wanita.

Sidang Wanita Pulau Pinang diperkenalkan untuk mencungkil bakat para pemimpin wanita tanpa mengira latar belakang; sama ada kalangan pemimpin komuniti, korporat, pegawai kerajaan, ahli parti politik, usahawan mahupun suri rumah. Sidang ini dirangka khas berlandaskan Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk memperkasakan wanita dalam memberi pendedahan bidang tugas wakil rakyat.

Struktur program ini dibina secara komprehensif yang terdiri daripada beberapa komponen iaitu pemahaman dan pendidikan, pembangunan kapasiti, lawatan lapangan dan platform mengasah bakat. Para peserta akan melalui proses sebanyak dua saringan bagi menentukan kelayakan mereka untuk dipilih sebagai 40 wakil Sidang Wanita 2021.

Diakhir ucapannya, beliau menekankan bahawa wanita sebenarnya berpotensi dan cakna dalam semua aspek serta mampu bergerak jauh ke hadapan sekiranya diberi ruang yang bersesuaian. Dengan lebih ramai wanita di peringkat pembuat keputusan, undang-undang serta dasar-dasar yang digubal akan lebih terangkum kerana mengambil kira keperluan lelaki, wanita, warga emas, golongan orang muda, dan OKU.

YAB Tuan Chow Kon Yeow telah merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta Sidang Wanita 2021 yang berani tampil menyertai edisi kali ini. Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada PWDC di atas kesungguhan yang ditunjukkan untuk menjayakan Sidang Wanita ini. Baginya, walaupun jelajah kali ini dijalankan secara atas talian, namun beliau yakin pengisian untuk Jelajah Sidang Wanita kali ini telah dirangka teliti untuk memastikan objektifnya tercapai.

Beliau turut menyatakan harapan agar semua peserta Sidang Wanita ini dapat menterjemahkan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang bakal ditimba ke bidang-bidang lain juga. Dan beliau percaya hari ini akan menjadi babit permulaan bagi menyuburkan bakat-bakat dalam bidang politik.

Pemerkasaan wanita adalah seiring dengan agenda Visi Penang2030 : Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara yang turut menekankan pemerkasaan rakyat tanpa mengira gender dalam pembangunan negeri, Dasar Keterangkuman Gender telah menjadi inspirasi dan model dalam mempertingkatkan prinsip demokrasi yang menjadi teras utama kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam memacu kesaksamaan gender di Pulau Pinang, Dasar Keterangkuman Gender telah digunakan bagi memastikan wujudnya keseimbangan gender, yakni 40:40:20 atau 40% wanita, 40% lelaki dan 20% terbuka kepada wanita dan lelaki yang layak supaya perspektif dan keperluan wanita dan lelaki diambilkira dalam membuat keputusan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah intervensi untuk memacu aspirasi dalam mencapai kesaksamaan gender. Selaku Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon



Yeow berikrar akan sentiasa komited dalam mendukung usaha-usaha yang dijalankan bagi merapatkan jurang gender.

Tambahnya lagi, penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang pertama di Malaysia adalah usaha pemerkasaan wanita dalam melahirkan pemimpin-pemimpin wanita.

Turut hadir secara dalam talian melalui aplikasi Zoom ialah YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Ariffin, EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan, YB Dato' Mustafa Kamal Ahmad, ADUN Telok Air Tawar, YB Tuan Muhammad Faiz Fadzil, ADUN Permatang Pasir, YB Puan Heng Lee Lee, ADUN Berapit, YB. Tuan Lee Khai Loon ADUN Machang Bubok, YB Tuan Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun, YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen, ADUN Pengkalan Kota, YB Tuan Joseph Ng Soon Siang ADUN Air Itam dan YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam, ADUN Batu Uban.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah PWDC yang turut bersama adalah YBhg Dato' Rohana Binti Abdul Ghani, Dr. Wong Lai Yong, Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah dan Puan Krista Goon Phooi Kheng. Yang Berusaha Puan Ong Bee Leng Ketua Pegawai Eksekutif PWDC dan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang turut hadir dalam menjayakan majlis pelancaran ini.

#### Sesi Interaksi Bersama Wakil Rakyat

Sesi terakhir Jelajah Sidang Wanita 2021 adalah Sesi Interaksi bersama wakil rakyat yang mana para peserta dipecahkan ke dalam “breakout room”. Seorang wakil rakyat yang dipilih akan bertindak sebagai fasilitator manakala seorang sukarelawan yang terdiri daripada Alumni Sidang Wanita akan bertindak sebagai Pembantu Fasilitator.

Sesi ini dibahagikan kepada tiga bahagian bermula dengan sesi perkongsian oleh wakil rakyat, sesi interaksi dan sesi soal jawab. Dalam sesi perkongsian, fasilitator akan berkongsi pengalaman perkara-perkara atau kisah yang mendorong mereka mencebur ke dalam politik. Sesi ini adalah bertujuan untuk memberi inspirasi kepada para peserta untuk melangkah lebih jauh dalam arena politik.

Manakala bagi sesi yang kedua peserta berpeluang untuk berinteraksi dengan fasilitator. Untuk sesi ini fasilitator akan memberi ruang kepada peserta memperkenalkan diri yang mana setiap peserta diberi 3 minit untuk sesi ini.

**DASAR KETERANGKUMAN GENDER TELAH DIGUNAPAKAI BAGI MEMASTIKAN WUJUDNYA KESEIMBANGAN GENDER, YAKNI 40:40:20 ATAU 40% WANITA, 40% LELAKI DAN 20% TERBUKA KEPADA WANITA DAN LELAKI YANG LAYAK SUPAYA PERSPEKTIF DAN KEPERLUAN WANITA DAN LELAKI DIAMBILKIRA DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN**

**YAB TUAN CHOW KON YEOW**



Rata-rata peserta dilihat mengambil peluang ini untuk berkongsi latar belakang peribadi mereka serta pengalaman dalam kerjaya dan khidmat komuniti. Selain itu, peserta turut diminta untuk berkongsi mengenai sebab menyertai Sidang Wanita dan apa yang ingin dicapai dalam Sidang Wanita.

Sesi ketiga yang merupakan sesi terakhir adalah Sesi Soal Jawab yang mana sesi ini adalah untuk memberi peluang kepada peserta untuk bertanya soalan kepada wakil rakyat. Sesi ini memperuntukkan selama

15 minit dan fasilitator juga boleh menanyakan soalan kepada peserta bagi mewujudkan komunikasi dua hala.

Sesi ini adalah serampang dua mata kerana melalui sesi ini peserta akan dinilai oleh barisan fasilitator sama ada mereka layak ke peringkat seterusnya. Hal ini adalah kerana Jelajah ini bertujuan untuk memberi pemahaman dengan lebih mendalam tentang program serta merupakan proses penilaian awal dalam pemilihan perwakilan untuk Sidang Wanita.



# Sesi Induksi Sidang Wanita 2021

Permulaan Perjalanan Menuju Hari Kemuncak

Sebagai pembuka tirai menuju Sidang Wanita 2021, sesi induksi telah diadakan untuk mengalu-alukan para peserta yang telah berjaya menyahut cabaran dalam kepimpinan. Mereka ini adalah yang terpilih ketika proses tapisan yang pertama ketika jelajah maya.



Sesi induksi telah dimulakan dengan sesi perkongsian oleh YB Puan Kasthuriraani sebelum peserta dibahagikan kepada 5 *breakout room*. Setiap *breakout room* diketuai oleh seorang fasilitator dan pembantu

fasilitator yang akan membincarkan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan wanita.

Pecahan *Breakout Room*, Topik Perbincangan & Fasilitator

<i>Breakout Room</i>	Topik Perbincangan	Fasilitator
01	Wanita Dalam Politik	YB Puan Lim Siew Khim
02	Kesaksamaan Gender	YB Puan Kasthuriraani Patto
03	Keganasan Rumah Tangga	YB Puan Syerleena Abdul Rashid
04	Kesihatan	Dato' Dr. Florance Sinniah
05	Pendidikan	Puan Ong Bee Leng

Mengimbaskan kembali sepintas lalu perbincangan antara para fasilitator dan peserta, Puan Hannah telah mengusulkan cadangan kepada YB Puan Lim Siew Khim untuk mewujudkan tribunal program di bawah Kementerian Pembangunan Wanita yang hanya mengkhususkan kepada golongan wanita sahaja. Golongan ini semestinya mempunyai minat yang tinggi dalam bidang politik dan membimbing mereka ke arah mencapai kuota wanita dalam parliment.

YB Puan Kasthuriraani pula meminta pandangan para peserta mengenai keperluan untuk topik kesaksamaan gender diajar di sekolah rendah atau sekolah menengah. Rata-rata peserta menyokong topik ini dimasukkan dalam silibus sekolah rendah, kerana kanak-kanak perlu memahami mengenai kesaksamaan gender pada awal usia. Tambahan lagi, pendidikan sepatutnya bermula dari rumah mengikut gaya keibubapaan yang sesuai dan selamat.

Diikuti dengan topik Keganasan Rumah Tangga, Puan Rabikha mengatakan bahawa golongan atau mangsa keganasan rumah tangga yang menetap di kawasan kampung atau pedalaman perlu diberikan lebih perhatian kerana kebanyakan daripada golongan ini mempunyai tahap keberanian yang rendah untuk bersuara.

Dari aspek kesihatan pula, Dato' Dr. Florance Sinniah menyokong kenyataan Puan Amanda yang memfokuskan kepada impak perkahwinan bawah umur yang sah di bawah undang-undang Malaysia terhadap kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak perempuan.

Bagi topik yang menjurus kepada lensa pendidikan, Puan Shahira Parvin menekankan masalah ketidaksamarataan antara gender yang dapat dilihat daripada Statistik di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menunjukkan lebih ramai wanita yang mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang namun lebih ramai pelajar lelaki yang mendominasi jawatan peringkat yang lebih tinggi. Cadangan penyelesaian adalah untuk mewujudkan satu sistem meritokrasi dalam sistem pendidikan.

Sesi induksi berjalan dengan lancar dan padat dengan pengisian. Setiap peserta yang menyertai sesi ini menyumbang pelbagai buah fikiran dan cadangan yang sangat efektif buat pembangunan komuniti terutamanya golongan wanita. Semua yang hadir mempunyai misi yang sama iaitu ingin memperkasakan wanita ke aras yang lebih tinggi.



# *Bengkel Pembangunan Kapasiti*

## *Proses Pembangunan Kapasiti Perwakilan & Penilaian Akhir*

**Perjalanan menuju ke hari kemuncak diteruskan dengan Bengkel Pembangunan Kapasiti Sidang Wanita 2021 yang berlangsung pada 23 dan 24 Oktober 2021 di Hotel Ixora, Bandar Perai Jaya, Pulau Pinang.**

Daripada 275 peserta yang telah mendaftar, hanya 107 peserta yang telah menerima jemputan eksklusif berdasarkan penilaian yang dibuat pada fasa pertama. Perjalanan bengkel bukanlah sesuatu yang mudah, hanya 67 peserta sahaja yang berjaya melengkapkan bengkel dua hari ini.

Bengkel ini telah dirangka dengan pengisian yang bersifat lebih inklusif dan mendalam terutama aspek pemahaman gender dan pengetahuan proses perjalanan wakil rakyat ke Dewan Rakyat (Parlimen) atau Dewan Undangan Negeri (DUN) serta peranan dan tugasannya mereka.

Selain itu bengkel ini turut mencabar kebolehan para peserta yang mana mereka dipertanggungjawabkan untuk membuat pengucapan awam serta sesi advokasi. Kedua-dua sesi ini merupakan proses penilaian akhir peserta untuk terpilih sebagai perwakilan.

Wakil rakyat yang terdiri daripada Ahli Parlimen (MP) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah dijemput untuk menjadi Fasilitator dan Penilai bagi kedua-dua sesi ini. Lebih menarik mereka memberi respons terus kepada peserta dalam berkongsi pengalaman berkaitan peranan dan keperluan wakil rakyat.

### **Majlis Perasmian**

Majlis Perasmian bengkel ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang. Dalam ucapannya, beliau menyatakan rasa bangga bahawa Pulau Pinang sentiasa berada di hadapan dan telah menjadi perintis kepada sidang khas untuk wanita.

Sidang Wanita Pulau Pinang ini telah menjadi contoh dan ikutan negeri-negeri lain. Kerajaan Negeri Sembilan melalui Power House

Wanita Gemilang (PH GEM) telah melancarkan Sidang Wanita Negeri Sembilan.

Tambahnya lagi, PWDC telah dijemput untuk mengadakan sesi perkongsian pengalaman dan pemindahan kepakaran. Ini sekaligus membuktikan bahawa agenda pemerksaan wanita di Pulau Pinang telah membuka mata dan mendapat perhatian di negeri lain.

YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam dalam ucapan aluannya mengambil perhatian para peserta berkenaan isu yang hangat diperkatakan iaitu berkaitan kelayakan kewarganegaraan anak yang dilahirkan di luar negara kepada warganegara wanita yang telah berkahwin dengan bukan warganegara. Tegasnya, dalam isu ini adalah sangat ketara menunjukkan diskriminasi gender jika dibandingkan dengan lelaki yang berkahwin dengan bukan warganegara tetapi boleh menurunkan taraf kewarganegaraan walaupun anak dilahirkan di luar negara.

Tegasnya lagi, walaupun isu ini hangat diperkatakan, namun pihak bertanggungjawab masih memandang enteng terhadap isu ini. Ini jelas membuktikan bahawa suara wanita masih tidak cukup. Wanita sebenarnya lebih memahami dan arif dalam isu-isu berkaitan wanita, disebabkan pengalaman realiti yang dilalui, namun tanpa cukup perwakilan wanita, isu seperti ini akan terus wujud.

Turut hadir pada Majlis Perasmian adalah YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang, YB Puan Kasthuriraani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan, YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani, Ahli Lembaga Pengarah PWDC dan Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC.





### Sesi Dialog bersama Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Law Choo Kiang

Dialog bersama pemimpin pada kali ini menyaksikan YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (DUN) hadir menjayakan sesi ini. YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani, Ahli Lembaga Pengarah PWDC bertindak sebagai moderator.

Sesi ini mendapat sambutan baik daripada para peserta dan mereka mengambil peluang keemasan ini untuk berinteraksi dan bertanya soalan kepada YB Dato' Law Choo Kiang.

YB Dato' Law memulakan sesi dengan memperkenalkan diri serta menceritakan perjalanan kerjaya politik beliau. Sebelum menjadi Yang di-Pertua DUN, beliau pernah menjadi wakil rakyat dan menjawat jawatan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

Setelah dipilih sebagai Yang di-Pertua DUN, beliau berpeluang untuk melawat Dewan Undangan Negeri (DUN) di beberapa negara lain. Berdasarkan pemerhatian beliau, perwakilan dalam politik di luar negara lebih inklusif berbanding di Malaysia.

Hasil perbandingan dan pemerhatian, timbul semangat untuk mencari agar Malaysia dapat mencontohi DUN negara-negara lain dari segi kesaksamaan gender dalam bidang politik. Beliau amat yakin bahawa sudah sampai masa golongan wanita di Malaysia untuk maju ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya dalam bidang pembuat keputusan.

Sekiranya 30% wanita terlibat dalam politik, pentadbiran dan berada dalam kumpulan pembuat keputusan, satu dasar atau keputusan yang lebih efisien dan adil akan dihasilkan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Bagi menjawab soalan yang diajukan oleh moderator, YB Dato' Law berkongsi pandangan mengenai karakter yang perlu ada pada seorang wakil rakyat. Yang pertama adalah profesionalisme, seorang wakil rakyat perlu bersikap profesional dalam bidang kuasa masing-masing. Mereka perlu membuat kajian dan menambah ilmu pengetahuan untuk mendapatkan pelbagai pandangan dari sisi yang berbeza.

Yang kedua adalah kemahiran berbahas. Seorang wakil rakyat perlu mempunyai kemahiran ini untuk digunakan ketika mendepani rakyat mahupun dalam DUN. Sebagai bakal pemimpin, para peserta perlu mencari atau meneladani seorang ahli politik yang handal dalam berpidato supaya dapat meningkatkan kemahiran articulasi diri.

Karakter yang ketiga adalah kematangan dan kawalan emosi dalam menyuarakan idea serta berbahas dalam Dewan dan juga semasa menyantuni rakyat. Karakter ini sangat penting dalam mewujudkan politik matang, isu-isu yang ingin dibawa atau ditangani juga akan mudah diselesaikan dengan cara yang matang.

Di akhir sesi dialog, YB Dato' Law menyeru agar peserta Sidang Wanita 2021 akan menjadi sebahagian daripada mencapai solusi untuk menambah perwakilan wanita. Baginya, arena politik di



Malaysia sudah sekian lama didominasi oleh golongan lelaki kini sudah tiba masanya wanita menonjolkan bakat dan kelebihan di peringkat pembuat keputusan.



**SETIAP INDIVIDU PERLU MEMPUNYAI CITA-CITA UNTUK MENJADI AHLI POLITIK, INI AKAN MENAIKKAN SEMANGAT UNTUK MELONTARKAN SUARA DAN MENONJOLKAN DIRI DALAM PLATFORM POLITIK.**

**YB DATO' LAW CHOO KIANG**



### Suai Kenal Dan Pengenalan Kepada Gender dan Jantina

Figura hebat dan juara dalam isu gender ialah Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bertindak selaku fasilitator dalam mengendalikan sesi ini. Beliau turut memberikan pemahaman dan gambaran jelas kepada peserta berkaitan perbezaan antara jantina dan gender.

Pada pemulaan sesi peserta diminta untuk mencari tiga kenalan baharu yang belum dikenali bagi mewujudkan rangkaian yang lebih besar. Peserta akan memperkenalkan diri kepada kenalan baharu dan berkongsi sebab mereka menyertai Sidang Wanita 2021. Sesi ini telah mewujudkan satu jaringan sosial yang baharu kepada para peserta.

Dalam sesi ini peserta turut diberi pendedahan berkaitan dengan perbezaan jantina dan gender, ramai yang masih salah faham perbezaan kedua-dua konsep ini. Gender adalah peranan, tingkahlaku, aktiviti dan sifat tertentu yang diberikan oleh masyarakat kepada seseorang individu. Gender juga memberi konsep yang berbeza antara masyarakat mahupun individu dan boleh berubah mengikut masa.

Manakala, jantina pula adalah ciri-ciri biologi dan fisiologi pada seseorang individu. Seseorang individu dilahirkan sedemikian dan tidak boleh ditukar atau sukar ditukar. Ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara antara jantina dan gender.

Sebelum menamatkan sesi peserta-peserta turut diingatkan dengan masalah stereotaip gender yang sehingga kini masih belum terhapus.

### Pengucapan Awam dan Sesi Advokasi

Proses pemilihan 40 perwakilan wanita diteruskan dengan dua sesi penilaian iaitu Sesi Pengucapan Awam dan Sesi Advokasi. Yang pastinya setiap perwakilan perlu dengan keperluan tertentu termasuklah kemahiran insaniah (*Soft Skills*). Sebelum menjadi seorang pemimpin, peserta juga perlu mempunyai pakej tersendiri untuk ditawarkan kepada rakyat.

Maka, bagi melengkapkan peserta Sesi Pengucapan Awam dan Sesi Advokasi telah dirangka dengan teliti untuk memastikan sesi ini mampu mengasah bakal peneraju negara. Objektif kedua sesi ini adalah untuk mencetuskan pemikiran kritis terhadap topik semasa yang berkaitan dengan isu kepimpinan politik, pemerksaan wanita, tadbir urus baik dan kesaksamaan gender.

Selain itu, ia akan menggalakkan kemahiran berfikir pantas, berhujah, meriah sokongan dan pengurusan masa. Sesi ini juga telah mengasah kebolehan berfikir aras tinggi para peserta untuk menyelesaikan sesebuah isu serta memupuk kerjasama dalam pasukan.

Sepanjang sesi ini, peserta dinilai oleh tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang mereka seperti YB Puan Kasthuriraani Patto, YB Puan Lim Siew Khim, YB Senator Puan Lim Hui Ying, YB Dr. Hajah Norlela Ariffin, Dr. Wong Lai Yong dan Puan Ong Bee Leng. Para penilai turut memberikan pandangan serta berkongsi ilmu kepada para peserta yang terlibat.

Peserta dinilai dari 5 aspek utama iaitu pengetahuan, penyampaian,

minat, kreatif dan kerjasama kumpulan. Lebih menarik sesi ini diadakan dalam kumpulan kecil yang mana peserta dipecahkan kepada 5 kumpulan berbeza untuk memastikan peluang dan penilaian dilakukan dengan adil dan sempurna.

Sesi Pengucapan Awam dijalankan pada hari pertama, manakala Sesi Advokasi pada hari kedua untuk memberikan peluang kepada para peserta membuat persediaan dan perbincangan dalam kumpulan.

Untuk Sesi Pengucapan Awam peserta diberikan pilihan 4 topik yang menjurus kepada isu wanita iaitu perwakilan wanita dalam politik, wanita mempunyai punca pendapatan, keganasan seksual terhadap wanita, keluarga selamat dan perkahwinan bawah umur.

Setiap peserta diberi kebebasan untuk memilih mana-mana topik yang dirasakan dekat dengan perjuangan mereka atau kepakaran mereka. Rata-rata peserta mempunyai pandangan sendiri terhadap isi-isu yang mereka ketengahkan serta mempunyai solusi untuk setiap masalah yang dibawa.

Dalam menangani sesuatu isu, desakan terhadap pihak bertanggungjawab sahaja tidak mencukupi. Mereka mahu membebaskan diri daripada bergantung dengan mana-mana pihak, tindakan dan usaha serta mengorak langkah sendiri adalah solusi yang terbaik cuba dibawa oleh kebanyakan peserta.

Sesi Advokasi yang merupakan penilaian kedua dijalankan sedikit berbeza dengan Sesi Pengucapan Awam. Tugasan Sesi Advokasi diberikan secara berkumpulan berbeza berbanding Sesi Pengucapan Awam yang merupakan tugas individu.

Peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 4 hingga 5 orang ahli dan diberikan topik. Tugasan kumpulan adalah untuk membincangkan dan membentangkan pendapat serta mempersempit jalan penyelesaian yang terbaik. Berbekalkan masa 15 minit, setiap peserta perlu meyakinkan kumpulan lain untuk menyokong mereka.





Penilai akan menilai secara holistik dari aspek penglibatan, idea serta kesungguhan peserta dalam menjalankan tugas dan pemahaman terhadap topik. Sesi ini memberikan satu impak yang besar kepada peserta kerana secara tidak langsung mencungkil kemahiran terpendam dalam diri mereka.

#### **Penampilan Khas YB Puan Nurul Izzah Anwar**

Penggunaan teknologi telah dioptimumkan oleh sekretariat Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 dengan menggunakan platform dalam talian bagi menghubungkan mereka yang jauh. YB Puan Nurul Izzah Anwar, Ahli Parlimen Permatang Pauh turut membuat penampilan khas secara dalam talian telah mendapat sambutan hangat daripada peserta.

Perkongsian beliau adalah berkisar tentang semangat perubahan yang perlu diterapkan dalam kalangan peserta. Baginya, dalam meneliti arus perubahan masyarakat harus menyelesaikan masalah melalui perspektif lensa gender yang semakin runting dalam konteks sebuah keluarga.

Masyarakat perlu mengubah pandangan yang negatif kepada positif dalam usaha membangunkan masyarakat. Beliau sangat yakin bahawa negara yang inginkan kemakmuran perlu bermula daripada kumpulan rakyat termasuk lelaki dan wanita.

Dalam perjuangan para peserta tidak keseorangan, setiap pengalaman adalah relatif dan bergantung kepada kekuatan masing-masing. Wanita perlu untuk membina ketahanan dari segi emosi dan fizikal untuk terus bergerak bagi mencapai impian.

YB Puan Nurul Izzah turut berkongsi sebab-sebab beliau terjun ke arena politik. Beliau menyertai politik kerana menghargai sambutan dan sokongan gerakan reformasi. Walaupun beliau mempunyai minat dalam bidang kejuruteraan elektronik pada ketika itu, namun atas

dasar keinginan untuk melakukan perubahan kepada sistem, beliau memilih laluan ini.

Perjuangannya adalah untuk mengubah dasar dan program yang lebih memfokuskan aspek kebijakan dan perlindungan supaya dapat membangunkan sosioekonomi rakyat. Beliau kini memberi tumpuan untuk membantu golongan yang tidak berupaya dan tidak mempunyai kapital sosial.

Pada akhir sesi, YB Puan Nurul Izzah menegaskan bahawa setiap wakil rakyat perlu mempunyai sifat tawaduk dan rendah diri. Setiap individu perlu sentiasa menjaga batasan dalam aktiviti politik serta perlu mempunyai semangat untuk mengubah hidup rakyat. Peserta turut diingatkan untuk terus komited dalam usaha menjadi pemimpin dan menggali ilmu kerana ilmu itu luas dan ada di mananya dan boleh didapati pada bila-bila masa.

#### **Pengenalan Sistem Demokrasi di Malaysia**

Tiga figura hebat dari tiga dewan berbeza iaitu YB Puan Kasthuriraani Patto, YB Senator Puan Lim Hui Ying dan YB Puan Lim Siew Khim bertindak memberi gambaran dengan jelas kepada para peserta mengenai fungsi dan proses perjalanan Dewan Rakyat (Parlimen), Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Persediaan untuk menjadi seorang pemimpin tidak cukup dengan kebolehan bertutur semata-mata, peserta perlu diberi pendedahan dan pemahaman berkenaan bidang tugas seorang wakil rakyat. Peserta juga turut diberi penerangan berkenaan fungsi tiga dewan dalam sistem demokrasi di Malaysia.

YB Puan Kasthuriraani, Ahli Parlimen Batu Kawan membuka pentas dengan mengajak para peserta untuk mengimbas kembali sejarah penglibatan wanita dalam politik Malaysia. Beliau juga memberikan perincian fungsi dan sistem Parlimen yang mempunyai 222 orang ahli parlimen yang diundi oleh rakyat.

Tambahnya, kebanyakan negara-negara Komanwel termasuk Malaysia menggunakan sistem Parlimen Wesminster dari United Kingdom. Parlimen dipengerusikan oleh dua orang Speaker iaitu, Yang di-Pertua Dewan dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan.

Parlimen adalah badan perundangan bagi Kerajaan Persekutuan yang mana berfungsi untuk menggubal undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di seluruh negara.

Parlimen meluluskan undang-undang persekutuan, membuat pindaan kepada undang-undang persekutuan yang ada, memeriksa dasar-dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan meluluskan hasil-hasil cukai yang baru.

Parlimen turut berfungsi sebagai medan semak imbang perbelanjaan kerajaan dan membahas isu-isu yang berkepentingan umum. Selain itu, Parlimen juga menjadi tempat badan bukan kerajaan atau orang ramai menghantar memorandum, petisyen atau perhimpunan aman.

Selaku Ahli Dewan Negara, YB Puan Senator Lim Hui Ying mengambil alih pentas dan berkongsi pengalaman serta tanggungjawab beliau sebagai senator. Beliau menerangkan bahawa senator merupakan individu yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Kriteria yang perlu diambil kira untuk melantik seorang Senator adalah individu yang telah banyak berjasa dan cemerlang dalam perkhidmatan awam atau yang mencapai kepujian dalam lapangan profesion, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau mewakili kaum-kaum minoriti atau kepentingan orang-orang asli.

Bidang kuasa Dewan Negara adalah untuk membahaskan hal-hal

rakyat, membincangkan dasar-dasar kerajaan, membahaskan dan menangguhkan atau meluluskan rang undang-undang, pindaan akta atau pindaan Perlembagaan serta meluluskan rang undang-undang (kecuali rang undang-undang kewangan)

YB Puan Lim Siew Khim menjadi panel terakhir yang membuat perkongsian. Beliau memulakan perkongsian dengan memberi penerangan mengenai peranan Dewan Undangan Negeri (DUN).

DUN berfungsi untuk menggubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dipanggil Enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Tambahnya lagi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya, DUN juga merupakan platform pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.

YB Puan Lim Siew Khim berkongsi contoh soalan lisan dan bertulis yang dibangkitkan dalam DUN oleh ADUN. Beliau juga menjelaskan peraturan-peraturan mesyuarat yang perlu dipatuhi oleh setiap ADUN.

Sesi ini memberi gambaran jelas kepada peserta tentang selok-belok pemerintahan Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.



## Lawatan Lapangan Bersama Wakil Rakyat

Untuk memberikan pengalaman sebenar dan memastikan penyampaian yang berkesan, PWDC telah merangka lawatan lapangan bersama wakil rakyat sebagai salah satu pengisian pada fasa ini. Hari kedua Bengkel Pembangunan Kapasiti telah dimulakan dengan aktiviti Lawatan Lapangan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di seluruh Pulau Pinang.

Lapan orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah terlibat dengan bertindak sebagai tuan rumah bagi mengetuai lawatan lapangan di kawasan mereka. Para peserta dibahagikan kepada 7 kumpulan yang mana mereka akan bergerak bersama ADUN untuk menyantuni masyarakat di lapangan.

Melalui kaedah ini, peserta berpeluang merasai sendiri bagaimana seorang wakil rakyat berdepan dengan orang awam serta mendapat

pengalaman bersempua dengan komuniti setempat. Peranan yang dimainkan oleh ADUN adalah penting yang mana para peserta akan belajar daripada apa yang dilihat dalam lawatan ini.

Lokasi lawatan lapangan yang berbeza menjadikan setiap pengalaman peserta adalah berbeza. Peserta akan diberi tugas untuk menyantuni masyarakat dan proses ini akan dipantau oleh ADUN yang bertindak selaku tuan rumah.

Rata-rata peserta dilihat menggunakan peluang ini untuk berdepan dengan rakyat serta mendapatkan pengalaman di lapangan. Apa yang menariknya, peserta juga berpeluang membantu komuniti dalam mencari solusi segala permasalahan rakyat dengan menggunakan kapasiti mereka sendiri.

Bil	Tuan Rumah	Kawasan Lapangan
01	YB Tuan Chris Lee Chun Kit	Pasar Awam Pulau Tikus
02	YB Tuan Kumaresan Aramugam	Kejiran Desa Permai Indah
03	YB Tuan Haji Mohd Tuah Ismail	Pasar Awam Balik Pulau
04	YB Tuan Daniel Cooi Zi Sen	Balai Bomba Lebuh Pantai
05	YB Tuan Muhammad Faiz Bin Fadzil	Jeti Nelayan Pengkalan Tambang
06	YB Tuan Goh Choon Aik	Pasar Kampung Valdor
07	YB Tuan H'ng Mooi Lye	Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC)



YB Tuan Chris Lee Chun Kit





**YB Tuan Kumaresan Aramugam**



**YB Tuan Haji Mohd Tuah Ismail**



**YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen**



**YB Tuan Muhammad Faiz Bin Fadzil**



**YB Tuan Goh Choon Aik**



**YB Tuan H'ng Mooi Lye**



## Sesi Perkongsian Berkenaan Lawatan Lapangan

Selesai lawatan lapangan bersama wakil rakyat, semua peserta kembali berkumpul di Hotel Ixora pada jam 11.00 pagi. Bagi mendapatkan reaksi daripada semua yang terlibat, Puan Evon Lim Ee Teng bersama Encik Izwan Ali Imran Wazani telah mengendalikan sesi Perkongsian Lawatan Lapangan.

Para peserta mengambil peluang untuk berkongsi pengalaman mereka ketika berada di lapangan. Memandangkan lokasi lawatan lapangan yang berbeza, pengalaman yang diterima adalah berbeza.

Perkongsian ini memberi peluang kepada peserta lain untuk memahami tugas yang dihadapi dari kumpulan yang berbeza. Rata-rata peserta berkongsi pengalaman pertama mereka berdepan dengan komuniti serta perkara baharu yang telah dipelajari sepanjang lawatan lapangan.

Puan Ooi Mei Mei menjadi peserta pertama yang tampil membuat perkongsian secara sukarela. Bersama-sama dengan YB Haji Mohd Tuah Ismail yang merupakan ADUN Pulau Betong, Puan Ooi Mei Mei bersama kumpulannya telah ke Pasar Awam Balik Pulau.

Tambahnya, semua peserta diberi tugas untuk mengedarkan pelitup muka kepada orang awam. Dalam masa yang sama peserta berpeluang beramah mesra dan bertanya khabar dengan komuniti setempat.

Berpeluang mengadakan lawatan lapangan di Tapak Warisan Dunia George Town bersama YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen, ADUN Pengkalan Kota merupakan satu pengalaman baharu bagi Puan Nur Atiqah Abdul Hadi.

Beliau berkongsi lokasi pertama lawatan adalah di Balai Bomba Lebuh Pantai yang mana mereka berpeluang menyantuni petugas barisan hadapan.

Berdasarkan pemerhatiannya, terdapat sedikit perbezaan antara keperluan penduduk di Pengkalan Kota berbanding KADUN lain. Keperluan dan cabaran dalam mewakili KADUN ini adalah lebih kepada usaha-usaha untuk mengekalkan status Tapak Warisan Dunia. Secara tuntasnya, para peserta amat teruja membuat perkongsian serta mencerap isu dan masalah yang ada di setiap lokasi. Mereka juga turut mempelajari serta membantu wakil rakyat mencari solusi.





### Sesi Kepimpinan Wanita

Selesai dengan perkongsian lawatan lapangan, Puan Ong Bee Leng mengambil alih dan mengendalikan Sesi Kepimpinan Wanita yang berkonsepkan latihan dalam kumpulan. Tujuan utama sesi ini adalah untuk menggilap keberanian peserta untuk tampil berkongsi pandangan di hadapan semua peserta.

Pertanyaan mudah tanpa jawapan betul atau salah diberikan oleh fasilitator untuk menarik minat peserta tampil ke depan. Aktiviti ini juga melibatkan pergerakan yang mana peserta perlu berdiri di hadapan kad mengenai ciri-ciri kepimpinan wakil rakyat berdasarkan lawatan lapangan yang ditampal pada dinding.

Peserta melibatkan diri dengan baik dan ramai tampil menyuarakan pendapat menjadikan sesi tersebut sangat bermanfaat buat semua. Aktiviti ini juga memberi gambaran jelas tentang karakter dan kekuatan yang perlu ada pada scorang wakil rakyat.



## Perbincangan Panel : Wanita dan Politik

Bengkel Pembangunan Kapasiti Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 ditutup dengan Perbincangan Panel Wanita dan Politik yang dikelola oleh YBrs Dr. Zaireeni Azmi, Pensyarah Kanan, Unit Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM.

Tiga figura hebat yang telah dijemput sebagai panelis adalah YB Puan Maria Chin Abdullah, Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Dr. Hajah Norlela Ariffin, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang.

Topik wanita dan politik dikupas dalam perbincangan panel ini dari pelbagai sudut berdasarkan pengalaman dan keperluan wanita pada masa ini. Penglibatan dan usaha menambah perwakilan wanita menjadi keperluan mendesak kerana sektor ini menyaksikan jurang gender yang sangat ketara.

Perbincangan dibuka dengan perkongsian daripada YB Puan Maria Chin tentang pilihan beliau untuk menjadi wakil rakyat. Menurut beliau, pilihannya adalah kerana keinginan mempertahankan kepentingan rakyat serta mengurangkan diskriminasi.

Manakala bagi YB Dr. Hajah Norlela, idea untuk menjadi ahli politik terecus kerana pengalaman beliau turun padan dan menunjukkan solidariti untuk demonstrasi Perhimpunan Bersih. Khidmat bapanya ketika menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh memberi kesan mendalam kepada dirinya yang mana beliau terpanggil untuk turut memperjuangkan hak rakyat. Pengalaman ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada beliau.

Mengulas persoalan mengenai cabaran seorang wakil rakyat oleh moderator, YB Puan Maria menceritakan cabaran beliau adalah untuk menyampaikan pemikiran dan pendapat yang berbeza serta menentang kerajaan atau dasar yang tidak selari dengan hak-hak rakyat. Beliau juga tekad untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan kemasukan warga asing yang tidak terkawal.

YB Puan Lim turut menggesa agar wakil rakyat lelaki turut memainkan peranan dalam mengangkat isu-isu wanita. Beliau berpandangan bahawa, campur tangan dari golongan lelaki terhadap isu wanita akan memberikan impak yang besar dalam usaha memperkasakan wanita.

Dalam pusingan yang terakhir YB Dr. Hajah Norlela menekankan bahawa wanita mempunyai peranan dan kelebihan yang unik. Wanita perlu mempunyai semangat yang kuat untuk membantu sekali gus bersikap proaktif sebagai wakil rakyat. Wanita juga memerlukan sokongan daripada setiap aspek supaya dapat maju ke hadapan.

Kesemua panel sepakat bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk menambahkan perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan. Para peserta menyambut baik sesi ini dan menggunakan peluang yang ada untuk berinteraksi dengan para panelis.

Komitmen dari segi penyertaan peserta dalam Bengkel Pembangunan Kapasiti memberikan gambaran jelas kesungguhan wanita untuk membawa perubahan. Ini merupakan satu manifestasi keinginan dan kemauan wanita untuk mendapatkan akses sama rata.

Siapa sangka, mungkin suatu hari nanti lahirnya seorang pemimpin politik berwibawa yang bermula dengan langkah kecil iaitu dengan menyertai Sidang Wanita.

“  
AKTA GANGGUAN SEKSUAL MASIH BELUM DIGUBAL DAN PIHAK BERWJIB SEDANG MENGUSAHKAN AGAR AKTA INI DIKUATKUASAKAN DALAM MASA TERDEKAT

YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH



# Pemilihan Akhir

## Analisis hasil penilaian dan penetapan konstituensi perwakilan

Dalam arus menuju hari persidangan wanita, sebuah jawatankuasa Pemilihan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 telah dibentuk sebagai langkah terakhir dalam memilih 40 perwakilan dan 11 pembantu perwakilan yang berkualiti.

Jawatankuasa ini telah dianggotai oleh YB Puan Lim Siew Khim selaku pengerusi, YB Puan Kasthuriraani Patto dan Puan Ong Bee Leng.

Mesyuarat pemilihan akhir telah diadakan pada 28 Oktober 2021 secara maya menggunakan platform *ZOOM* disebabkan oleh situasi pandemik yang tidak menentu dan tidak mengizinkan bagi panel pemilih untuk berbincang dan membuat keputusan.

Sekretariat Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 turut serta dalam mesyuarat tersebut ialah Puan Evon Lim Ee Teng, Encik Izwan Ali Imran Wazani, Puan Rafiqah Mohd Razlan, Puan Nurul Hanis Isnin, Cik Mazidah Musa, Encik Muhammad Farid Arshad Foad dan Cik Nur Ain Suraya Ibrahim.

Analisis awal telah dibuat oleh pihak sekretariat berdasarkan markah yang telah diberikan oleh fasilitator. Setiap panel pemilih meneliti dan menilai markah penilaian secara keseluruhan yang telah diberi oleh para fasilitator dalam Sesi Pengucapan Awam dan Sesi Advokasi.

Pembantu fasilitator yang turut serta memberikan input-input tambahan kepada panel pemilih jika mereka mengenal pasti terdapat peserta yang berkebolehan dan mampu menjalankan tugas sebagai perwakilan mahupun pembantu perwakilan pada hari persidangan.

Selain daripada itu, peserta yang disenarai pendek telah dinilai semula berdasarkan pengalaman kerja, latar belakang bidang pendidikan, khidmat komuniti dan isu yang akan diperjuangkan. Kriteria-kriteria ini akan menentukan kualiti Sidang Wanita 2021 yang bakal menampilkan wanita-wanita hebat bersuara di negeri Pulau Pinang.

40 wanita terbaik dipilih dan ditetapkan konstituensi berdasarkan kekuatan, kemahiran dan pengalaman yang ada pada mereka. Perwakilan terpilih akan berbahas dengan format Dewan Undangan Negeri yang sebenar dan akan dipengerusikan oleh YB Dato' Law Choo Kiang.

Setiap perwakilan terpilih akan mengambil peranan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi mewakili konstituensi masing-masing mengikut komposisi asal Dewan Undangan Negeri pada hari ini. Oleh itu, terdapat 11 perwakilan yang bertindak sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), 22 Backbencher dan 7 Perwakilan Pembangkang.

Pihak Jawatankuasa Pemilih juga telah melantik 11 Perwakilan yang berperanan sebagai Pembantu EXCO. Kumpulan ini akan membantu para EXCO untuk menyelesaikan semua pertanyaan jawab lisan dan bertulis.



# *Bengkel Persediaan Perwakilan*

## *Taklimat dan Persediaan Akhir Perwakilan*

**Sebulan sebelum berlangsungnya hari kemuncak Sidang Wanita Pulau Pinang 2021, satu Bengkel Persediaan Perwakilan telah diadakan di Auditorium A, KOMTAR. Bengkel khas untuk perwakilan terpilih adalah sebagai persediaan akhir untuk mereka sebelum beraksi di Dewan Undangan Negeri (DUN).**

Bengkel ini merupakan satu medium yang menyediakan sumber pengetahuan dan maklumat penting kepada para peserta sebelum bersidang pada 4 Disember 2021. Sebelum bengkel dimulakan, YB Puan Lim Siew Khim selaku Pengurus Jawatankuasa Pemilih telah mengumumkan konstituensi yang telah ditetapkan.

Sesi pertama yang telah dipertanggungjawabkan kepada Puan Ong Bee Leng sebagai pemudah cara yang memberi taklimat mengenai perincian tugas perwakilan. Setiap perwakilan diberi tugas mengikut peranan yang dimainkan berdasarkan konstituensi yang telah ditetapkan.

YB Puan Lim Siew Khim mengendalikan sesi kedua berkongsi teknik soal jawab dan peraturan-peraturan semasa menjawab. Para peserta telah menggunakan peluang yang ada untuk mendapatkan lebih kepastian dan kefahaman dengan bertanyakan soalan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang tersebut.

YB Senator Puan Fadhlina Sidek turut turun padang membuat perkongsian bersama dengan para perwakilan. Beliau berkongsi pelbagai isu wanita boleh dijadikan sebagai kandungan dan diangkat dalam sesi pembentangan usul dan perbahasan.

Antara isu yang perlu diberi perhatian semasa persidangan adalah isu kemiskinan wanita, kesihatan mental wanita, keganasan rumah tangga, Rang Undang-Undang Profesjon Kerja Sosial dan diskriminasi gender.

Perkongsian ini dilihat memberi peluang kepada para peserta untuk lebih cakna dan teliti mengenai isu semasa yang mungkin dipandang remeh oleh sesetengah pihak. Peserta perlu mempunyai tekad untuk menjadi wakil yang mementingkan kesejahteraan rakyat tidak kira jantina, bangsa dan agama.

YB Puan Kasthuriraani Patto turut hadir berkongsi pengalaman beliau sebagai Ahli Parlimen Batu Kawan. Beliau menjelaskan bahawa terdapat isu-isu rakyat yang sehingga kini masih belum selesai. Beliau menzahirkan harapan yang tinggi terhadap para peserta Sidang Wanita kali ini agar mengangkat isu-isu rakyat yang lebih berat.

Di akhir bengkel, para peserta kelihatan bersemangat dan teruja untuk bersidang dan menggunakan peluang yang disediakan. Ini merupakan satu langkah permulaan untuk menjadi salah seorang pemimpin barisan hadapan yang membawa amanah rakyat.



# *Penerimaan Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis*

## *Proses penghantaran soalan lisan dan soalan bertulis untuk persidangan*

Dalam arus menuju hari persidangan wanita, sebuah jawatankuasa Pemilihan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 telah dibentuk sebagai langkah terakhir dalam memilih 40 perwakilan dan 11 pembantu perwakilan yang berkualiti.

Seperi yang sedia maklum, Sidang Wanita merupakan satu persidangan yang mencerminkan format Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk dijadikan platform melahirkan para wanita yang berani dalam bersuara mewakili rakyat. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau ‘backbencher’, para perwakilan perlu menghantar Soalan Lisan dan Bertulis untuk dijawab ketika persidangan berlangsung.

Setiap perwakilan diberi masa yang mencukupi untuk menghantar soalan mereka kepada pihak Urusetia Sidang Wanita. Soalan yang dihantar semestinya ditujukan kepada barisan perwakilan yang menggalas tanggungjawab sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang mirip dengan portfolio asal Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



Sebelum soalan-soalan dikemukakan, para perwakilan akan mengambil langkah awal untuk membuat peninjauan di kawasan bawah kuasa mereka. Hal ini dapat memastikan setiap maklumat dan isu yang akan dibawa dalam persidangan lebih tepat dan dekat dengan setiap rakyat. Pembantu EXCO yang terpilih dipertanggungjawabkan untuk membantu 11 perwakilan yang memegang portfolio masing-masing untuk menjalankan proses penyediaan soalan dan jawapan pada hari kejadian. Para perwakilan juga dapat mencari fakta yang sah melalui media sosial dan media bercetak yang berkaitan dengan usaha dan langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu rakyat.

Tidak dinafikan inisiatif para perwakilan untuk membuat kajian melalui tinjauan amat membantu dalam persediaan menjadi wakil rakyat. Kendatipun begitu, usaha ini dapat diperkuuhkan lagi dengan sesi perkongsian pandangan dan idea bersama ADUN kawasan yang berkenaan.

Soalan yang diterima juga akan melalui proses penelitian dan pengesahan oleh pihak urusetia sebelum dihantar kepada perwakilan yang memainkan peranan sebagai EXCO dalam Sidang Wanita untuk proses menyediakan jawapan.

Apabila 11 EXCO telah menerima soalan, mereka perlu segera membuat kaji selidik bagi memastikan setiap persoalan yang diajukan mempunyai jawapan yang tepat dan difahami. Setiap perwakilan juga digalakkan untuk berhubung dengan pejabat EXCO Kerajaan Negeri untuk mendapatkan lebih penjelasan dan kefahaman agar setiap butir kata yang akan dibicarakan pada hari persidangan mudah diterima oleh barisan perwakilan yang lain. Penyata rasmi (Hansard), video perbahasan dewan dan rujukan arkib Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang juga digunakan oleh para perwakilan. Peserta Sidang Wanita sememangnya tidak ketinggalan untuk mengikuti setiap proses yang sama diaplikasikan oleh barisan EXCO Kerajaan Negeri yang sebenar. Proses yang seterusnya diambil alih oleh pihak urusetia untuk mencetak dan mengedar soalan berserta jawapan ketika sesi soal jawab lisan dan bertulis pada hari Sidang Wanita berlangsung. Disebabkan oleh situasi pandemik yang masih kritikal, kesemua proses ini dilaksanakan secara dalam talian bagi memastikan kelancaran program.

Setiap perwakilan memperkenan kriteria-kriteria yang berkualiti sepanjang proses menuju ke hari persidangan. Hal ini membuktikan bahawa para wanita mampu menjadi wakil rakyat yang berwibawa jika diberi peluang yang saksama.



# *Mesyuarat EXCO Sidang Wanita*

## *Persiapan akhir menuju ke hari persidangan*

**Sebagai persiapan dan persediaan untuk menjawab soalan lisan dan bertulis, Puan Koay Gaik Kee yang berperanan sebagai Ketua Menteri telah memanggil kesemua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) untuk bermesyuarat.**

Taklimat ini juga diserikan dengan kehadiran Puan Ong Bee Leng dan Encik Izwan Ali Imran Wazani sebagai pemudahcara. Puan Maheswari Malayandy yang merupakan mantan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, turut dijemput untuk membuat perkongsian.

Mesyuarat dimulakan dengan perkongsian pengalaman daripada Puan Maheswari berkenaan tatacara menjawab soalan lisan dan bertulis. Beliau turut berkongsi teknik-teknik menjawab serta memperincikan peraturan mesyuarat untuk pemahaman para perwakilan.

Kemudian Puan Koay Gaik Kee mengambil alih dan meneliti semua soalan lisan dan bertulis. Mesyuarat juga menentukan jabatan dan agensi yang berkaitan dengan soalan yang diajukan bagi memudahkan para EXCO untuk mendapatkan jawapan.

Terdapat juga pertindihan portfolio dalam soalan yang diterima, Puan Koay telah menggunakan budi bicara atas nasihat daripada Puan Maheswari untuk menentukan portfolio soalan tersebut.

Setiap EXCO Sidang Wanita mempunyai tanggungjawab besar untuk mendekati EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sebenar untuk mendapatkan jawapan kepada setiap soalan yang diajukan. Mereka juga perlu membuat penyelidikan dan mendapatkan data daripada agensi yang berkaitan untuk memastikan setiap jawapan yang ditulis adalah tepat untuk dibentangkan pada hari persidangan.

Barisan Pembangkang yang diketuai oleh Puan Salmiati Othman (N05-Sungai Dua) yang berperanan sebagai Ketua Pembangkang turut mengadakan perjumpaan berasingan. Mereka berbincang dan membuat persediaan untuk memastikan peranan mereka untuk menyemak imbang kerajaan dilakukan dengan baik.



*04*

SIDANG WANITA  
PULAU PINANG 2021

SIDANG WANITA  
PULAU PINANG

# *Hari Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021*

*Persidangan dengan format Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang*

**Sabtu, 4 Disember 2021 menjadi sejarah hari kemuncak Sidang Wanita Pulau Pinang 2021. 40 perwakilan wanita penyambung legasi kumpulan perintis telah menawan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.**

Mereka tampil berani beraksi dan berhujah, dengan penuh yakin serta menunjukkan karisma sebagai seorang wakil rakyat yang akan mengangkat suara rakyat seperti dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang sebenar.

Sidang Wanita 2021 telah dipertontonkan kepada orang ramai melalui Facebook Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang secara langsung dan eksklusif. Membawa tuah Sidang Wanita 2020 yang telah diadakan pada tahun lepas, pihak pengajur sememangnya ingin mengulangi sejarah dan melakar kejayaan baharu yang akan dicorakkan oleh para peserta Sidang Wanita 2021.

Bersandarkan kepada format persidangan DUN yang sebenar, setiap 40 perwakilan yang terpilih ini mewakili setiap kawasan DUN atau kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebenar yang sedia ada di Pulau Pinang dan mereka dibahagikan kepada dua blok, iaitu blok kerajaan dan pembangkang.

## **Majlis Perasmian**

Hari kemuncak Sidang Wanita 2021 dimulakan dengan majlis perasmian yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman selaku Timbalan Ketua Menteri 1.

YB Puan Chong Eng ketika ucapan aluananya, menzahirkan rasa kagum dan teruja apabila membaca bahan edaran persidangan yang mengandungi butiran pertanyaan jawab lisan dan bertulis serta usul yang disediakan oleh para perwakilan. Beliau juga menyeru para wanita untuk memainkan peranan dalam sistem pentadbiran bagi mencapai kesaksamaan gender.

Tambahnya, pihak Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha untuk menambah perwakilan wanita pada peringkat pembuat keputusan. Beliau juga memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah mula mengedarkan Kertas Putih Kerusi Tambahan Untuk Wanita (*Top-Up Women Only Additional Seats*) atau TWOAS.

Edaran kertas putih ini telah mendapat sambutan dan maklum balas yang baik daripada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang mana mereka menyatakan sokongan kepada inisiatif ini ketika sesi perbahasan.

Beliau menasihatkan semua perwakilan yang terpilih untuk terus bekerja keras, sentiasa tingkatkan potensi diri, pelajari lebih banyak kemahiran dan yang paling penting, setiap wanita harus ada minat untuk bekerja demi kebajikan rakyat serta menjadikan amanat yang diberi oleh rakyat sebagai suatu peluang untuk berkhidmat.

YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman turut hadir untuk menyampaikan ucapan perasmian bersempena pengajuran Sidang Wanita 2021. Dalam ucapannya, beliau menyebut bahawa Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 yang akan membentangkan satu usul yang terkait dengan Akta Anti-Gangguan Seksual. Beliau amat menantikan perbahasan usul ini memandangkan isu gangguan seksual sudah menjadi polemik dalam kalangan masyarakat sejak sekian lama.

Beliau juga percaya Sidang Wanita Pulau Pinang mampu menjadi platform yang dapat membawa suara wanita dari pelbagai latar belakang untuk sampai kepada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Ketua Menteri 1 turut menyarankan kepada para perwakilan untuk mengambil peluang ini dan berbahas sebaiknya dengan idea-idea yang bernes dan bakal memberi manfaat kepada masyarakat yang menginginkan mereka semua berada di sini.

YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman selaku wakil daripada Kerajaan Negeri berharap akan berlaku peningkatan peratusan perwakilan wanita dalam peringkat pembuat keputusan.



### Pengumuman Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Sidang Wanita 2021 dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Timbalan Setiausaha Dewan dan disusuli ucapan pembukaan oleh Yang di-Pertua Dewan atau Speaker DUN, YB. Dato' Law Choo Kiang.

YB. Dato' Law Choo Kiang membuka persidangan dengan mengucapkan sekalung tahniah kepada para peserta yang berjaya ke peringkat terakhir Sidang Wanita 2021. Beliau turut menghargai kerjasama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang turut menyokong program ini.

Yang di-Pertua Dewan yakin bahawa pengajuran Sidang Wanita telah menyuburkan demokrasi di negeri Pulau Pinang. Tambahnya, pengajuran ini adalah satu langkah yang baik untuk mendemokrasikan dewan malahan juga dapat memastabatkan peranan wanita dalam arena politik.

Beliau turut memaklumkan bahawa persidangan kali ini telah menerima 29 soalan lisan dan 58 soalan bertulis. Selain itu, satu usul akan dibentangkan dan dibahaskan pada persidangan kali ini.

Selesai pengumuman Yang di-Pertua, YB Dato' Law Choo Kiang kemudian mempergerusikan Sidang Wanita 2021 dengan membuka sesi jawapan kepada soalan lisan dan soalan bertulis yang dikemukakan oleh para perwakilan.

Walaupun wanita sering dikatakan mengangkat isu melalui lensa gender, namun para perwakilan komited membicarakan dan membahaskan pelbagai isu yang membabitkan keresahan rakyat. Antara isu yang telah menjadi perhatian adalah gangguan seksual, kebijakan ibu tunggal dan anak yatim, keganasan rumah tangga, belia dan wanita serta isu-isu infrastruktur, tebatan banjir, pelancongan, perubahan iklim dan alam sekitar serta keadilan sosial telah dibangkitkan oleh para perwakilan.

Perkara ini telah membuktikan bahawa penglibatan wanita dalam arena politik sememangnya dapat membawa satu perubahan dan membuka lensa baru dalam menangani masalah-masalah rakyat.

Persidangan kali ini berjalan dengan lancar dan tidak melibatkan unsur-unsur provokasi, prejudis dan persepsi disebabkan oleh pelbagai faktor sama ada dalaman atau luaran. Sudah pasti, masyarakat mengimpikan sebuah organisasi pentadbiran dan pembuat keputusan yang kukuh dan bersih daripada politik ‘kotor’.



## Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis

Setiap sesi yang akan berlangsung pada hari persidangan akan dicatat secara teliti dan transkrip ini dikenali sebagai Penyata Rasmi (Hansard). Perkara ini selari dengan sub peraturan 15(1)(h), peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan ke dalam penyata rasmi atau ‘Hansard’. Sidang kali ini menerima 58 soalan bertulis dan telah dijawab oleh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Jawapan bagi soalan bertulis telah diletakkan di atas meja setiap perwakilan seperti dalam Sidang DUN yang sebenar.

Tepat jam 9:30 pagi, Setiausaha Dewan mengumumkan sesi soalan lisan bermula. Perjalanan sesi soal jawab lisan oleh para perwakilan dimulakan dengan soalan daripada perwakilan dari kawasan Berapit dengan izin Yang di-Pertua Dewan.

Puan Miriam Devaprasana yang berperanan sebagai EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam tenang menjawab dengan menggunakan fakta dan maklumat yang telah beliau perolehi.

Yang di-Pertua Dewan kemudiannya meneruskan sesi dengan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang berikutnya dan setiap seorang daripada mereka akan bangun bagi memberikan jawapan kepada setiap soalan lisan mengikut portfolio masing-masing.

Suasana di dalam dewan akan bertukar hangat apabila ada jawapan daripada EXCO yang kurang memuaskan di telinga pemberi soalan. Hal ini mendorong kepada pertikaman lidah antara barisan pembangkang dan pihak kerajaan.

Yang di-Pertua Dewan pantas mengawal keadaan dan menenangkan dewan serta memberi tunjuk ajar jika terdapat para perwakilan yang melakukan kesilapan sepanjang berbahas.

Antara soalan yang diajukan adalah daripada perwakilan kawasan Pulau Tikus, Puan Dr. Lalitha Ramasamy mengenai langkah pasca COVID-19 Kerajaan Negeri dalam merejuvenasikan penjaja-penjaja dalam menghidupkan semula pelancongan makanan di Pulau Pinang. Berbekalkan maklumat yang sedia ada, Puan Khor Kar Tien selaku EXCO bertanggungjawab dengan yakin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan memberi bantuan RM500 secara *one-off* bagi memulakan dan memulihkan perniagaan dalam pasca COVID-19 ini.

Antara soalan yang mendapat perhatian dewan adalah daripada Ahli Kawasan Seri Delima, Puan Nur Rabbiah Nur Iskandar iaitu berkenaan pelan pembangunan tanah berkaitan dengan pertanian di Pulau Pinang tidak menyatakan pembangunan yang khas untuk membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) menceburti bidang pertanian.

Dijawab dengan tenang oleh Puan Koay Caik Kee yang berperanan sebagai YAB Ketua Menteri, jelasnya, kerajaan negeri telah menetapkan dua bidang tanah di Negeri Pulau Pinang untuk aktiviti

pertanian. Terdapat satu bidang tanah di bahagian Pulau yang telah dijadikan Pusat Pertanian Relau untuk tujuan pusat latihan dan pelajaran pertanian.

Taman Agroteknologi Pertanian Ara Kuda di bahagian Seberang Perai merupakan perancangan jangka panjang di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dengan kerjasama PERDA untuk membangunkan kawasan projek pertanian moden dengan menggunakan pelbagai aplikasi teknologi agromakanan, seiring dengan perkembangan Revolusi Industri (IR4.0) di kawasan yang dikenalpasti sebagai TKPM 2 Ara Kuda, seluas 147 ekar.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri akan melibatkan golongan OKU yang minat mencebur dalam bidang pertanian. Buat masa sekarang, tiada pelan pembangunan tanah khas untuk diusahakan oleh golongan OKU, tetapi sebarang permohonan daripada OKU yang ingin melibatkan diri dalam bidang pertanian akan diberi keutamaan mengikut tahap keupayaannya dan kesungguhannya.

Secara umumnya, terdapat golongan OKU yang kini banyak bergiat aktif dalam pertanian tanpa menggunakan tanah untuk kerjayanya, tetapi dengan kepintaran mereka dalam pengurusan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan meneliti lagi kepentingan golongan OKU serta memberikan lebih perhatian dalam perancangan pelan pembangunan tanah pada masa hadapan.

Sesi ini digamatkan lagi dengan soalan tambahan daripada Ahli Kawasan Permatang Berangan, Puan Yeoh Lay Kim yang ingin mengetahui hak atau kriteria tahap keupayaan dan rancangan bidang pertanian yang dikhususkan kepada golongan OKU.

YAB Ketua Menteri dengan penuh yakin menjawab bahawa golongan OKU mempunyai beberapa jenis kategori. Oleh disebabkan itu, penilaian boleh dilaksanakan melalui keupayaan untuk mengendalikan projek pertanian dan kesungguhan untuk merangka kertas kerja supaya dapat meyakinkan kerajaan negeri Pulau Pinang untuk meluluskan projek tersebut.

Disebabkan masa yang tidak mengizinkan, Yang di-Pertua Dewan melangkau beberapa soalan agar dapat memberi peluang kepada para perwakilan untuk menunjukkan bakat mereka dalam sesi perbahasan.

Walaubagaimanapun, sepanjang soal jawab ini membuktikan bahawa wanita berupaya melihat semua perkara daripada pelbagai sudut, sekali gus menunjukkan kemampuan mereka dalam arena politik dan pentadbiran negeri.

Sesi soalan lisan berlangsung dengan lancar mencerminkan sidang DUN sebenar. Setiap perwakilan memainkan peranan masing-masing sama ada kerajaan atau pembangkang untuk semak-imbang dan bertingkah untuk mendapatkan penjelasan kepada jawapan yang masih samar-samar isinya.





## Sesi Perbahasan

29 perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 telah menyertai sesi perbahasan untuk persidangan kali ini. Pentas perbahasan dibuka oleh Ketua Pembangkang, Puan Salmiati Othman dari konstituensi N05 Sungai Dua yang sempat menyelit serangkap pantun untuk memecahkan suasana yang hening pada pagi itu.

Ketua Pembangkang dengan tegas menyampaikan hujah perbahasan bertajuk Pelan Pemulihan Pendidikan Penyambung Kesejahteraan Generasi. Menggantik kerisauan orang awam yang bakal memasuki era endemik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang digesa untuk melaksanakan pelan pemulihran pendidikan.

Pelan ini merangkumi lima komponen iaitu polisi sekolah selamat, inisiatif bagi kanak-kanak sekolah yang kecinciran, perjumpaan yang lebih kerap dengan ibu bapa para pelajar atau pelajar jika ada ibu bapa yang terkesan akibat COVID-19 (diberhentikan kerja/hilang punca pendapatan), bantuan peranti dan kemudahan belajar seperti komputer riba kepada pelajar sekolah rendah dan menengah yang berada di bawah paras kemiskinan, serta akhir sekali ekosistem sekolah yang mementingkan norma baharu bagi pencegahan COVID-19.

Puan Salmiati Othman turut berbahas mengenai pendekatan proaktif yang perlu diambil oleh kerajaan dan kementerian pendidikan untuk mencegah tingkah laku ganas oleh kanak-kanak dan belia di sekolah. Jelasnya, dengan menangani punca utama salah laku, pendekatan boleh melindungi masyarakat dan membantu pelajar berisiko menjadi warganegara yang produktif.

Beliau mengakhiri perbahasan dengan memetik kata-kata daripada Bapa Pendidikan Malaysia, Aminuddin Baki iaitu "Tiada miskin seorang pelajar kerana sedikit harta dan keluarga, tetapi miskin seorang pelajar kerana sedikit ilmu dan amal."

Selain itu, turut sama dalam sesi perbahasan ini adalah perwakilan dari N17 Bukit Tengah iaitu Puan Siti Nur Syahirah yang berhujah mengenai Top Up Women Only Additional Seats (TWOAS). Menurut beliau, sekiranya pelaksanaan TWOAS dikuatkuasakan, ini akan memberi ruang yang luas dalam usaha memperkasakan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan.

Dengan adanya kerusi tambahan bukan kawasan pilihan raya ini, akan membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencapai nilai kritisik (critical value) yang disifatkan dapat memberi pengaruh dan menjadi satu langkah positif ke arah kesamarataan gender.

Puan Siti Nur Syahirah turut membangkitkan isu kesesakan lalu lintas yang tidak pernah selesai di kawasan Bukit Tengah. Menurut beliau, pembinaan struktur jalan yang tidak siap melebihi lima tahun menjadi penyumbang utama berlakunya kesesakan lalu lintas yang melampau di beberapa kawasan utama di Bukit Tengah.

Beliau turut menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperbaiki sistem pengurusan jalan raya bagi mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas di kawasan Bukit Tengah yang merupakan sebahagian pusat perindustrian Negeri Pulau Pinang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri ini.

Perwakilan N20 Sungai Bakap, Puan Dr S. Thanam Subramaniam pula membahaskan mengenai status ekonomi golongan ibu tunggal yang kurang diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hujahnya, kumpulan ini amat memerlukan pertolongan kerajaan untuk meningkatkan status ekonomi yang merupakan antara faktor utama keruntuhan dan pergolakan rumah tangga sesebuah keluarga.

Puan Dr S. Thanam turut mengutarakan isu-isu yang berlaku di lokalti bawah kawasannya seperti isu kemalangan jalan raya disebabkan oleh sistem lampu trafik yang masih belum selesai, isu banjir dan penggunaan bas Rapid , isu tekanan air rendah serta isu bau dan lalat yang berpunca daripada ladang babi dan ayam.

Suasana tegang dan hening bersilih ganti menunjukkan bahawa para wanita bijak mengawal emosi dan etika ketika berbahas dan setiap kandungan perbahasan sememangnya bercirikan fakta dan maklumat yang kukuh. Perwakilan wanita Sidang Wanita 2021 berjaya mencerminkan sifat kepimpinan yang perlu sebat dalam setiap ahli politik dan membuat keputusan.

Sesi perbahasan ini dilihat mampu membuka mata ramai pihak di luar sana yang mungkin kurang peka mengenai isu-isu yang dibawa oleh para perwakilan wanita dalam persidangan ini. Hujah yang dibawa bukan sekadar omong kosong, akan tetapi adalah bersandarkan pemerhatian dan penyelidikan awal yang dibuat oleh perwakilan.

Demi memastikan isu dan hujah yang dibawa akan memanfaatkan penduduk setempat, para perwakilan mengambil inisiatif untuk mendekati wakil rakyat sebenar kawasan mereka. Perwakilan juga berusaha mendekati komuniti setempat untuk mendapatkan pandangan dan memahami keperluan mereka sebelum hari persidangan.

## Sesi Penggulungan

Setelah selesai sesi perbahasan daripada 29 perwakilan, Setiausaha Dewan membuat pengumuman untuk memulakan sesi penggulungan. Seramai 11 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) yang menyandang portfolio yang berbeza terlibat sesi penggulungan.

Sesi ini adalah untuk memberi maklum balas terhadap setiap persoalan, isu dan cadangan yang dikemukakan dan dibahaskan oleh setiap perwakilan dalam Sidang Wanita Pulau Pinang 2021.

EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Puan Hannah Zaikal Hazri membuka tirai penggulungan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 dengan serangkap pantun dan mendapat tepukan gemuruh daripada semua perwakilan.

Beliau meneruskan sesi dengan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama kepada beliau untuk membuat penggulungan secara serentak kesemua portfolio yang disandangnya.



Walaupun sering mendapat celahan daripada *backbencher* dan pembangkang, Puan Hannah Zaikal Hazri dengan penuh yakin menjawab soalan-soalan dan memberi maklum balas kepada cadangan yang dilontarkan oleh perwakilan yang lain.

Seterusnya, pentas persidangan diambil oleh EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Puan Miriam Devaprasana Charles Samuel yang memuji konsep Keluarga Malaysia yang mengetengahkan nilai murni kekeluargaan. Namun begitu, beliau turut memberi penekanan kepada isu-isu dalam kalangan masyarakat, yang semakin meningkat semenjak pandemik COVID-19 dan institusi kekeluargaan semakin terhakis.

Perkara ini dapat dilihat melalui isu-isu keganasan berteraskan gender seperti keganasan rumah tangga, gangguan seksual, bunuh diri, dan penceraian. Tambahnya lagi, masyarakat yang mempunyai institusi perkahwinan yang gagal yang turut menyebabkan peningkatan jumlah ibu tinggal, gelandangan, kemiskinan dan sebagainya.

EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif, Puan Khor Kar Tien dalam penggulungannya menyatakan sehingga kini, sebanyak RM116,473,079.00 telah diperuntukkan di bawah Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang. Jelas beliau, sebahagiannya telah disalurkan kepada industri pelancongan melalui empat (4) fasa yang diumumkan di bawah Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0, Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0, Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0 dan 3.1 untuk membantu mereka yang terkesan akibat COVID-19.

Puan Khor Kar Tien menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan meneliti situasi pandemik untuk memastikan pelan-pelan pemulihan adalah bersesuaian dengan keadaan semasa.

Menyandang portfolio Belia dan Sukan, Puan Nur Adlina Syazwanie Binti Abdul Latiff telah mencadangkan satu polisi yang berani, dalam istilah ekonomi, dipanggil helicopter drop iaitu mengaktifkan semula dana kepada industri sukan. Hal ini disebabkan tiada lagi pengumuman Kerajaan Negeri tentang satu dana khas untuk industri sukan.

Sebagai YAB Ketua Menteri, Puan Koay Gaik Kee menjadi individu terakhir membuat penggulungan. Di permulaan penggulungan, beliau menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah berjaya meluluskan Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 yang bertema “Mempercepat Pencapaian Penang2030” atau “Accelerating Penang2030”. Kelulusan belanjawan ini amat diperlukan untuk memulihkan sektor ekonomi masyarakat Pulau Pinang dalam pasca pandemik COVID-19.

Puan Koay Gaik Kee turut menggunakan peluang ini untuk menyatakan sokongan beliau terhadap perlaksanaan *Top Up Women Only Additional Seats* (TWOAS) dan menyatakan harapan bahawa langkah ini dapat mewujudkan satu persidangan Dewan Undangan Negeri yang lebih dinamik dan progresif.

Dengan perlaksanaan TWOAS akan mengangkat pandangan serta suara wanita ke hadapan. Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat komited untuk merealisasikan inisiatif ini.

Sesi penggulungan Ketua Menteri diakhiri dengan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Yang-dipertua, Yang Berhormat EXCO dan Ahli Dewan Undangan Negeri sedia ada serta agensi-agensi negeri yang telah memberi kerjasama, bimbingan, dan tunjuk ajar kepada kesemua 40 perwakilan sepanjang fasa Sidang Wanita 2021.



## Sesi Pembentangan Usul

Sesi yang terakhir pada persidangan kali ini adalah pembentangan Usul Mendesak Kerajaan Persekutuan Untuk Mereformasikan Serta Menggubal Akta Anti-Gangguan Seksual Di Bawah Peraturan Mesyuarat 31(1).

Puan Miriam yang berperanan sebagai EXCO yang memegang portfolio Pembangunan Sosial telah bangkit membentangkan usul bahawa Sidang Wanita Pulau Pinang mendesak Kerajaan Persekutuan Malaysia yang dipimpin oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob selaku Perdana Menteri untuk mereformasikan dan menggubal akta gangguan seksual yang lebih rapi dan menyeluruh.

Beliau turut memberikan justifikasi dalam pembentangannya dengan menekankan bahawa gangguan seksual adalah isu yang semakin meruncing di Malaysia. Walaupun terdapat akta yang melindungi rakyat daripada gangguan seksual seperti Kanun Keseksuaan [Akta 574] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] namun perlindungan dan skop yang diberi adalah sangat terhad.

Tambahnya, Malaysia memerlukan reformasi, penguatkuasaan, serta pelaksanaan undang-undang yang lebih rapi dan yang merangkumi skop yang lebih besar demi kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

Selepas pembentangan dibuat, YB Dato' Yang di-Pertua membuka sesi perbahasan usul kepada dewan. Puan Shahira Parvin Dato' Abdul Aziz (N38-Bayan Lepas) selaku *backbencher* bingkas bangun menyokong usul.

Ketika perbahasan menyokong usul, Puan Shahira menegaskan bahawa gangguan seksual adalah satu jenayah yang sangat berat. Ini adalah kerana ia mengganggu kebebasan diri seperti yang termaktub



dalam Perlembagaan Persekutuan Bahagian II Perkara 5 (1) tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

Puan Shameera Nasreen Ahamed Noordeen (N09-Bagan Dalam) turut serta dalam sesi perbahasan bagi menyokong usul yang dibentangkan. Beliau berpandangan bahawa hukuman sedia ada di bawah Akta Buruh 1995 di mana hukuman maksimum 10 tahun dan sebat tidak mencukupi.

Mengambil contoh sistem di Amerika Syarikat yang mana nama pemangsa akan didaftarkan seumur hidup sebagai seorang pemangsa seksual, beliau menggesa agar kerajaan Malaysia mengadaptasikan sistem ini bagi mengekang gangguan seksual. Dengan mereformasikan rang undang-undang ini, kita dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Pembahas terakhir adalah Puan Annsley Dashawna Stephen (N27-Pengkalan Kota) yang mencadangkan satu tribunal diwujudkan di bawah rang undang-undang ini. Tribunal ini adalah untuk membantu mangsa-mangsa mendapatkan keadilan dengan kadar yang singkat.

Beliau juga menegaskan bahawa peruntukan di bawah Kanun Keseksuaan tidak melindungi mangsa gangguan seksual di tempat kerja sebagaimana Akta Kerja 1955.

Peraturan baru yang bakal digubal perlu cukup komprehensif untuk mengambil kira semua gender sama ada mereka yang celik atau buta huruf, kaya atau miskin, OKU bekerja atau tidak serta kanak-kanak dan orang kelainan upaya.

Selepas perbahasan, Puan Miriam sekali lagi bangun membuat penggalungan dengan menjawab semua persoalan serta pandangan daripada ahli dewan yang lain. Beliau menyeru agar semua ahli dewan memberikan sokongan kepada usul ini.

Memandangkan tiada bantahan daripada ahli dewan ketika proses pengundian, YB Dato' Yang di-Pertua mengumumkan usul telah diterima sebulat suara. Sejurus selepas itu beliau membuat pengumuman penangguhan dewan pada jam 6.30 petang.



## Penutup

Setiap butiran perjalanan Sidang Wanita telah direkodkan oleh pelapor dan akan didokumentasikan sebagai laporan dan dihantar ke pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam bagi tindakan dan perhatian selanjutnya.

Dokumentasi dan penerbitan Sidang Wanita amat penting dan bakal memberikan impak besar dalam merealisasikan tujuan penganjuran sidang ini. Perkara ini dapat membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membuktikan bahawa kewujudan perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik mampu mencetus perubahan yang besar dan memberikan nafas baharu.

Keperluan penyediaan platform khas untuk wanita seperti Sidang Wanita dapat melahirkan wakil rakyat atau pemimpin yang berkualiti. Setiap isu yang diperdebatkan dan dibangkitkan pada hari persidangan diselangi fakta dan maklumat yang sahih.

Kematangan dalam perbahasan menunjukkan bahawa ilmu dan kefahaman yang dimiliki oleh setiap perwakilan akan memelihara mereka daripada membuat keputusan yang bercanggah dengan kebenaran.

Apabila bergelar YB kelak, mereka haruslah peka kepada perkembangan persekitaran dan sedia maklum dengan masalah yang dihadapi rakyat. YB perlu mempunyai empati dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakannya dengan bersungguh-sungguh serta bermatlamatkan kebijakan dan kesejahteraan rakyat sepenuhnya.

Seperti yang dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah melalui serangkap pantun,

**BUSANA TRADISI KAIN BERSULAM,  
WARNANYA JINGGA BERAWAN LARAT,  
CUKUPLAH BERPOLITIK SIANG DAN MALAM,  
FOKUSKAN MENJAGA KEPENTINGAN RAKYAT.**

DEWAN UNDANGAN NEGERI

## Ucapan Penutup Oleh YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam

Antara tunjang utama Sidang Wanita YB Puan Chong Eng mengatakan bahawa para peserta yang berminat untuk menjadi ahli politik perlu membuat keputusan untuk memilih dan menyertai parti politik yang bersesuaian. Hal ini kerana, parti politik merupakan langkah pertama yang perlu diambil oleh individu untuk menjadi ejen perubahan.

Sebagai pencetus idea Sidang Wanita, YB Dato' Law Choo Kiang turut menyampaikan sokongan beliau dan mencadangkan supaya pihak penganjur yang terlibat untuk mewujudkan dan membentuk satu persatuan alumni Sidang Wanita supaya dapat memperkasakan kebolehan para peserta.

YB Puan Chong Eng menegaskan bahawa satu inisiatif perlu dilaksanakan untuk wakil wanita terus bangkit selepas Sidang Wanita 2020 dan Sidang Wanita 2021.

Beliau menyeru para wanita untuk mendidik anak perempuan untuk berdikari supaya kelak mereka berkahwin dengan pasangan yang mempunyai keperibadian yang baik.

Anak lelaki juga perlu dididik untuk melakukan tugas rumah supaya mereka tidak menjadikan isteri mereka sebagai hamba atau pembantu di rumah. Melalui didikan dan ilmu ini, banyak perubahan dan kebaikan yang boleh dicapai.

YB Puan Chong Eng terus-menerus menyeru para peserta untuk memaksimumkan potensi dan bekerja keras sekali gus meneruskan perjalanan sebagai bakal wakil rakyat supaya dapat menepati visi perlaksanaan Sidang Wanita.

Sebelum bersurai, YB. Puan Chong Eng mengumpulkan para alumni untuk bersama-sama berganding bahu dalam menubuhkan persatuan alumni Sidang Wanita untuk meneruskan legasi kepimpinan wanita pada masa akan datang.



# *Perwakilan Sidang Wanita 2021*

## *Ringkasan Profil dan Perkongsian Pengalaman*



### **Puan Koay Gaik Kee**

#### **Ketua Menteri**

**Portfolio** : EXCO Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi

**Konstituensi** : N26 Padang Kota



#### **Profil:**

Puan Koay adalah seorang yang aktif dalam membantu orang ramai menyelesaikan masalah dan isu semasa khususnya berkaitan dengan alam sekitar dan kebijakan. Di samping itu, beliau akan mengenal pasti isu penting termasuk isu wanita dan OKU agar dapat ditangani dengan adil dan saksama.

Dalam bidang politik pula, beliau menyertai parti DAP sejak tahun 2011 serta memegang jawatan sebagai Setiausaha Organisasi DAP Wanita Pulau Pinang sejak tahun 2019. Beliau turut menjawat jawatan sebagai Setiausaha Cawangan DAP Barrack Road, Setiausaha DAP Wanita Bahagian Bukit Bendera dan Bendahari Pemuda Sosialis DAP Bahagian Bukit Bendera.

Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia dari UNIMAS.

Sejak tamat pengajian, beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Khas YB Phee Boon Poh.

### **Perkongsian pengalaman:**

*Saya bersyukur diberi peluang menyandang jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dalam Sidang Wanita Pulau Pinang 2021. Platform ini telah meningkatkan keyakinan saya dari segi pengucapan awam, bekerjasama dengan semua perwakilan dan bekerja keras menyediakan maklumat untuk memastikan semua yang dibentangkan bernal. Saya juga dapat merasai semangat yang kuat sebagai seorang wakil rakyat apabila memperjuangkan isu penting di dalam dewan.*

### **Puan Jamaliah Jamil @ Kinsoi**

#### **Timbalan Ketua Menteri 1**

**Portfolio** : EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti

**Konstituensi** : N03 Pinang Tunggal



#### **Profil:**

Puan Jamaliah merupakan seorang sukarelawan yang aktif membantu pembangunan komuniti di negeri kelahirannya, Sabah. Beliau mengadakan program motivasi dan kelas bahasa Inggeris kepada pelajar luar bandar, program khidmat masyarakat rumah kebijakan yang berpusat di Tambunan, Ranau dan Tawau selain terlibat dalam penyediaan modul-modul pembelajaran kendiri murid.

Menyandang jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri 1 semasa Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 memberi kelebihan kepadanya untuk mengetengahkan pengalaman menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

Kini, beliau melanjutkan pengajian peringkat Sarjana di UiTM serta menjadi pengurus akademik di LSA Academic House Kota Kinabalu, Sabah.

### **Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita telah memberi impak yang positif kepada saya sebagai wanita dan ibu. Platform ini berkesan untuk melatih saya menyuarakan isu, pandangan dan suara wanita luar bandar. Sidang Wanita perlu dilaksanakan di negeri-negeri lain agar hasrat untuk menambah jumlah wanita dalam tadbir urus negara sebanyak 30% tercapai secepat mungkin.*

**Puan Sangeetha Animolom****Timbalan Ketua Menteri 2****Portfolio** : EXCO Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi**Konstituensi** : N16 Perai**Profil:**

Beliau merupakan seorang yang aktif dalam Kelab Pengucapan Awam, jadi, tidak hairanlah Puan Sangeetha dapat mengutarakan hujah-hujah yang kritis ketika berdebat. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Musa dari USM dalam bidang Sains Politik. Kini, beliau menabur bakti sebagai seorang pensyarah di sebuah kolej di Pulau Pinang. Puan Sangeetha juga sering menerima jemputan sebagai pengacara program.

Menurutnya,

*“Kita sendiri yang menentukan apa yang boleh, perlu dan akan dilakukan dan tidak ada kompromi dalam hal itu”.*

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita merupakan platform yang berfaedah bagi mereka yang ingin berkecimpung dan bergiat secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Platform ini mendedahkan senario politik sebenar dalam negeri serta memberi peluang kepada wanita dari pelbagai lapisan masyarakat untuk mengutarakan pendapat.*

**Puan Miriam Devaprasana Charles Samuel****Portfolio** : EXCO Pembangunan Sosial Dan Hal Ehwal Bukan Islam**Konstituensi** : N15 Padang Lalang**Profil:**

Beliau merupakan seorang rakyat Malaysia yang mengimpikan Malaysia yang saksama dan mahu menjadi sebahagian daripada rakyat yang menikmati gelombang perubahan tersebut. Beliau seorang yang kreatif dan gemar menulis tentang pengalamannya di mana-mana sahaja beliau berada.

Dalam bidang pendidikan pula, beliau merupakan pelajar Kemanusiaan dan Seni dari USM dan Universiti Lancaster dalam bidang Bahasa dan Kesasteraan. Beliau kini melanjutkan pengajian di peringkat PhD di USM, pengkhususan dalam Sosiolinguistik Bandar.

**Perkongsian pengalaman:**

*Melalui Sidang Wanita saya belajar banyak perkara tentang penggubalan dasar dan undang-undang Malaysia terutamanya dalam menyediakan usul dan jawapan. Sidang Wanita memberi gambaran tentang dunia politik dan kepentingan mempunyai pemimpin yang berilmu dan berdisiplin. Saya memperoleh banyak pengalaman dan berasa bangga menjadi salah seorang peserta Sidang Wanita.*

### Puan Ragini Gunasekaran

**Portfolio** : EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa  
**Konstituensi** : N29 Datok Keramat



#### Profil:

Merupakan anak kelahiran Pulau Pinang yang aktif dengan aktiviti kesukarelawanan seperti 'A Soup Kitchen in Kuala Lumpur' dan 'Need to Feed The Need' yang membantu golongan gelandangan.

Puan Ragini amat cenderung dengan aktiviti pemerkasaan wanita dan sentiasa ingin meningkatkan kesedaran betapa pentingnya wanita berdikari dan mampu membuat keputusan untuk diri sendiri.

Puan Ragini mempunyai pengalaman bekerja selama 10 tahun sebagai *Senior Manager Customer Success* di Microsoft dan mempunyai kelulusan Diploma Fisioterapi dan *Bachelors of Business in Sales & Marketing*.

#### Perkongsian pengalaman:

*Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 adalah titik perubahan hidup saya yang mana ia adalah satu langkah pertama ke arah politik. Saya sentiasa ragu-ragu jika itu yang saya takdirkan tetapi Sidang Wanita memberi saya visi yang jelas bahawa itulah yang saya inginkan selama ini.*

### Puan Lee Yew Mei

**Portfolio** : EXCO Alam Sekitar Dan Kebajikan  
**Konstituensi** : N07 Sungai Puyu



#### Profil:

Beliau merupakan seorang wanita yang aktif sebagai penulis majalah dan kaunselor awam serta menyandang jawatan sebagai pengarah di sebuah NGO.

Beliau menyifatkan penyertaan dalam politik menyebabkan cara berfikirnya mula berubah. Beliau mengakui bahawa wanita perlu bersuara dan melangkah keluar untuk melakukan perubahan.

Puan Lee berkelulusan Diploma dalam Pengurusan Sumber Manusia dan kini sedang melanjutkan pengajian ijazah dalam bidang Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua di *Wawasan Open University*.

#### Perkongsian pengalaman:

*Sidang Wanita membantu mengatasi ketakutan saya dalam pengucapan awam dan meningkatkan keyakinan saya untuk bercakap dalam Bahasa Malaysia. Pengalaman sebagai peserta telah memberi pengetahuan baharu berkaitan isu-isu semasa, perkembangan dan cabaran yang sedang dilalui oleh Negeri Pulau Pinang. Rakyat Pulau Pinang amat bertuah kerana mempunyai platform khusus kepada wanita untuk memupuk bakat terpendam dalam bidang politik dan kepimpinan.*

**Puan Rabikha Hasni Suparman**

**Portfolio** : EXCO Infrastruktur Dan Pengangkutan  
**Konstituensi** : N22 Tanjung Bunga

**Profil:**

Beliau merupakan seorang yang aktif dalam menganjur dan mengurus aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan sekitar Pulau Pinang dan juga di negeri-negeri lain. Objektif beliau adalah untuk membantu meringankan beban golongan kanak-kanak, wanita, warga emas dan OKU.

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Awam dari USM dan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari UPM. Beliau mempunyai pengalaman mengajar di IPT hampir 18 tahun. Selain itu, beliau juga telah dilantik sebagai Panel Penilai bagi Kursus Hubungan Etnik dan Pengajian Malaysia di peringkat KPT.

Beliau berhasrat untuk memperjuangkan kesejahteraan keluarga dan juga jalinan perpaduan antara kaum dengan mempertingkatkan aktiviti pemupukan keharmonian etnik.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sebelum menyertai Sidang Wanita, saya lebih tertumpu kepada isu pendidikan. Sidang Wanita secara tidak langsung telah membuka minda saya. Saya diberi portfolio yang mencabar dan di luar kapakaran saya, iaitu Portfolio Infrastruktur dan Pengangkutan. Kini, saya memperakui kepentingan infrastruktur dan pengangkutan dalam pembangunan sesebuah negeri dapat meningkatkan taraf hidup dan produktiviti rakyat. Menyertai Sidang Wanita merupakan pengalaman yang berharga buat saya!*

**Puan Zyen Faiezane Dullie Marie**

**Portfolio** : EXCO Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan  
**Konstituensi** : N37 Batu Maung

**Profil:**

Beliau mula berjinak dengan arena politik kerana bapanya serta minatnya yang cenderung ke arah isu-isu pembangunan anak muda dan wanita. Selain aktif dalam sukan beliau juga sering melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan seperti mengajar Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak dan Youth Care Malaysia, sebuah NGO kebangsaan yang mementingkan pembangunan belia. Aspirasi beliau adalah untuk aktif dalam melakukan advokasi.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Ahli MMK Pulau Pinang dan merupakan graduan jurusan Sains Sosial dari Northumbria University Newcastle dan Sarjana dari USM.

**Perkongsian pengalaman:**

*Saya mempunyai keraguan dengan kebolehan diri tetapi dengan galakan rakan dan profesionalisme pihak penganjur saya dapat mengharunginya. Saya yakin bahawa Sidang Wanita ini merupakan platform yang sesuai bagi golongan wanita untuk menggilir bakat dalam politik. Saya kagum melihat ramai wanita yang berkebolehan dan intelektual menyertai Sidang Wanita. Saya bersyukur kerana mendapat pengalaman baharu dan pengalaman ini akan menjadi satu galakan bagi saya untuk melakukan lebih banyak aktiviti advokasi.*

### Puan Khor Kar Tien

**Portfolio** : EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif  
**Konstituensi** : N34 Paya Terubong



#### Profil:

Beliau merupakan seorang yang aktif dalam pelbagai NGO dan menjadi pengasas dan Pengerusi Persatuan-Orkestra Zero Pulau Pinang sejak tahun 2009. Dalam bidang kepimpinan, Puan Khor memegang jawatan sebagai Pengerusi JPWK Sungai Pinang, Naib Pengerusi JCI Pearl bagi portfolio Komuniti dan Antarabangsa dan juga ahli CDERT dan APM.

Penyertaannya dalam Sidang Wanita adalah cabaran kali pertama menyertai bidang politik dan beliau telah diberi tanggungjawab sebagai EXCO.

Melalui program ini, beliau telah nampak kepentingan wanita menyertai politik untuk bersuara demi wanita lain dalam masyarakat. Baginya, Sidang Wanita merupakan satu platform yang baik untuk memahami peranan dan tanggungjawab seorang wakil rakyat.

#### Perkongsian pengalaman:

*Peluang ini bukan selalu kita ada, oleh itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua wakil rakyat dan pihak PWDC kerana telah berjaya menganjurkan program yang begitu bermanfaat untuk golongan wanita. Program ini mampu mencungkil bakat wanita dalam bidang politik. Siapa sangka akan ada peserta Sidang Wanita yang menjadi wakil rakyat pada masa hadapan. Betul tak?*

### Puan Nur Adlina Syazwanie Abdul Latiff

**Portfolio** : EXCO Belia Dan Sukan  
**Konstituensi** : N08 Bagan Jermal



#### Profil:

Beliau merupakan seorang pelajar yang aktif menyertai pelbagai program dan aktiviti kesukarelawanan serta memegang jawatan Presiden bagi Kelab Debat dan Pidato dan Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Diploma Sains UiTM Arau, Perlis. Bakat kepimpinan beliau terserlah apabila sering mengetengahkan isu kebijakan mahasiswa dan mahasiswi. Beliau juga lantang menyuarakan pendapat dan cadangan bagi menangani isu-isu berkaitan dengan mahasiswa dan mahasiswi di dalam dan di luar kampus.

Mahasiswa tahun akhir Diploma Sains ini turut menyandang jawatan sebagai Setiausaha Mahasiswa Roket, iaitu sayap mahasiswa bagi Parti DAP dan menjadi peserta Parliment Digital 2020 mewakili kawasan P041 Kepala Batas.

#### Perkongsian pengalaman:

*Pengalaman dapat menjakkan kaki di DUN merupakan satu pencapaian bermakna bagi perjalanan karier politik saya sekali gus mengasah bakat kepimpinan. Menjadi seorang ADUN dan EXCO bukanlah perkara yang mudah. Saya perlu membuat kajian, mendapatkan data-data yang sahih dan merancang program yang dapat memberikan impak positif kepada rakyat. Saya harap lebih ramai wanita menyertai Sidang Wanita pada masa akan datang.*

**Puan Hannah Zaihal Hazri**

**Portfolio** : EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan  
**Konstituensi** : N12 Penanti

**Profil:**

Beliau merupakan seorang pelajar universiti yang aktif menceburi pelbagai bidang seperti keusahawanan, kepimpinan dan kesukarelawanan. Program yang berimpak tinggi yang disertai oleh Hannah ialah Social Entrepreneurship @ Higher Education yang memberi manfaat kepada 20 mahasiswa OKU dalam bidang keusahawanan dan Social Entrepreneurship @ Urban Community yang membantu 10 usahawan wanita B40. Pencapaian beliau yang membanggakan ialah Ikon Putra Kepimpinan Keusahawanan, Tokoh Siswa KPT, Top 50 Student KOLs Awards dan Top 50 Malaysian Young Talents Awards 2020. Beliau merupakan penuntut Ijazah Sarjana Muda tahun 3 di UPM dalam bidang Sains Biokimia.

**Perkongsian pengalaman:**

*Saya baru sahaja menceburkan diri dalam arena politik kerana saya percaya politik adalah suatu bidang yang amat penting dan menyeluruh dalam kehidupan.*

**Puan Salmiati Othman****Ketua Pembangkang**

**Konstituensi** : N5 Sungai Dua

**Profil:**

Beliau mula berkecimpung dalam politik dengan menyertai UMNO ketika berusia 20 tahun dan masih aktif sehingga kini. Minat yang mendalam dalam politik telah menyebabkan cita-cita itu diteruskan walaupun terdapat banyak halangan untuk menceburi bidang ini secara sepenuh masa. Selain itu, kerja-kerja kesukarelawanan merupakan tugas yang diminati sejak dibangku sekolah dan dilanjutkan hingga ke tempat kerja.

Puan Salmiati sering menyuarakan pendapat beliau dengan menghantar artikel penulisan rencana ke suratkhabar tempatan seperti New Straits Times, BERNAMA, Sinar Harian dan Astro Awani dalam skop pengurusan pendidikan pengajian tinggi dan hal ehwal semasa negara.

Beliau kini sedang melanjutkan pengajian peringkat PhD di UKM.

**Perkongsian pengalaman:**

*Terpilih sebagai peserta perwakilan Sidang Wanita dan diangkat sebagai Ketua Pembangkang dalam persidangan ini menjadi motivasi untuk saya menyertai politik. Saya berpendapat suara wanita dapat mengangkat isu-isu wanita kerana ianya difahami oleh wanita sendiri sahaja.*

*“Sokongan padu untuk penyertaan wanita dalam bidang politik perlu ditingkatkan memandangkan suara wanita amat penting dalam DUN dan Parlimen”.*

**Puan Ahasliza Mohamed**  
**Pembangkang**  
**Konstituensi** : N1 Penaga



**Profil:**

Sifat kepimpinan yang tinggi mendorong Puan Ahasliza aktif sebagai aktivis dan kaunselor. Beliau sering membantu kaum wanita dan kanak-kanak terutama dalam isu keganasan rumah tangga. Beliau juga memperjuangkan hak-hak kaum wanita dalam peringkat pembuat dasar dan memastikan tiada unsur ‘pilih kasih’ dalam pemerintahan serta perundangan.

Puan Ahasliza melanjutkan pengajian di USM dalam jurusan Komunikasi major Kewartawanan. Beliau kemudiannya menjadi Wartawan Jenayah dan juga penulis bebas untuk beberapa parti politik negara. Kini, beliau menyandang jawatan sebagai Pegawai Khas di Jabatan Penerangan Pejuangita, portfolio EXCO Perpaduan serta Ketua Orator Pejuangita dan *Media Official*.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sebelum bersidang, saya sering turun ke kawasan bagi mendengar masalah dan membantu rakyat setempat. Sidang Wanita telah menyedarkan ramai orang bahawa kebolehan serta keupayaan wanita tidak boleh dipandang rendah. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam program ini kerana telah merealisasikan impian wanita-wanita hebat.*

**Puan Ooi Mei Mei**  
**Pembangkang**  
**Konstituensi** : N2 Bertam



**Profil:**

Anak jati Pulau Pinang yang berasal dari Telok Bahang ini sering menyertai sebarang program yang melibatkan kepimpinan. Selain menjadi peserta Sidang Wanita Pulau Pinang 2021, Puan Ooi juga menyertai Parlimen Wanita Muda mewakili P009 Alor Setar dan Perwakilan Sidang Muda Pulau Pinang mewakili N02 Bertam.

Aktif dalam aktiviti pengakap, advokasi, pemerkasaan belia dan komuniti tidak menghalang Puan Ooi memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung Young Democrats Malaysia, Biro Pendidikan AMK Malaysia dan AJK MPKK Teluk Awak. Kini, beliau berkhidmat sebagai seorang Pegawai Seranta di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Permatang Pauh.

**Perkongsian pengalaman:**

*Pengalaman bersidang dan berbahas telah memberi banyak ruang dan peluang untuk saya lebih celik politik. Saya mengetahui lebih lanjut peranan wanita dalam politik serta sistem demokrasi dalam negara. Pengalaman ini sangat istimewa dan tidak akan saya lupakan.*

*“Perubahan tidak akan terjadi jika kita menunggu orang lain atau waktu lain. Kita adalah yang kita tunggu-tunggu. Kita adalah perubahan yang kita carikan.”*

**Puan Yeoh Lay Kim**  
**Pembangkang**  
**Konstituensi** : N4 Permatang Berangan



**Profil:**

Beliau seorang yang aktif berkhidmat untuk komuniti dan memegang beberapa jawatan penting dalam persatuan. Beliau terlibat dalam Projek Kemasyarakatan Pelajar Miskin Air Itam, menyandang jawatan Pengurus Perbadanan Rumah Kos Rendah Bukit Punchor, AJK Persatuan Ibu Bapa SMK Bandar Tasek Mutiara dan Setiausaha Persatuan Komuniti De Ark Pulau Pinang.

Puan Yeoh mempunyai Diploma Perguruan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Rendah. Beliau berpengalaman lebih 20 tahun sebagai guru. Semangat cintakan bidang pendidikan menyebabkan beliau berjuang membuat pembaharuan dalam sistem pendidikan bagi menjaga kebajikan murid-murid yang miskin.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita memberi peluang untuk saya merasai alam politik yang telah diumpikan sejak 33 tahun yang lalu. Dalam persidangan ini, saya berpeluang untuk memperjuangkan isu wanita terutama ibu tinggal dan isu penyelenggaraan pangaspuri kos rendah.*

*“Behind every successful woman is a tribe of other successful women who have her back”*

**Puan Nurul Syazwani Shafery**  
**Pembangkang**  
**Konstituensi** : N10 Seberang Jaya



**Profil:**

Beliau merupakan salah seorang sukarelawan di Pusat Pemberian Vaksin dan Pembantu Penyiasatan Kes COVID-19. Pada April sehingga September 2021, beliau menjadi jurulatih bagi program E-Sport Coach bagi Pasukan Gadis Bahaw 17 Tahun bagi Program Goals Peringkat Antarabangsa di bawah Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita dan Gadis (WOMEN;Girls).

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran (Kepujian) dari UiTM ini kini merupakan seorang penjawat awam. Puan Nurul pernah dinobatkan sebagai Johan bagi Festival Pantun Daerah Timur Laut mewakili jabatannya dan sering menyumbang kepakaran beliau sebagai moderator dalam pelbagai program pada peringkat negeri.

**Perkongsian pengalaman:**

*Saya menyertai Sidang Wanita untuk membuktikan bahawa pandemik COVID-19 bukan halangan untuk setiap wanita melangkah lebih jauh memberikan sumbangan kepada masyarakat. Terpilih sebagai wakil di Sidang Wanita membuatkan saya lebih dekat menyantuni masyarakat dari sudut kebajikan dan ekonomi. Pengalaman dapat berjumpa dengan wanita hebat dalam persidangan ini menjadi sumber inspirasi untuk saya terus maju ke hadapan.*

**Puan Nur Atiqah Abdul Hadi**  
**Pembangkang**  
**Konstituensi** : N21 Sungai Acheh



**Profil:**

Anak jati Pulau Pinang yang berasal dari Jelutong ini merupakan seorang yang berminat dalam bidang politik sejak berusia 22 tahun. Beliau aktif dalam aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh ADUN Datok Keramat dan Parlimen Jelutong.

Pengalaman beliau dalam bidang kepimpinan dan komuniti ialah beliau memegang jawatan dalam MPKK dari tahun 2017 sehingga kini. Dalam bidang politik pula, beliau telah dilantik sebagai Ketua Srikandi Keadilan Cabang Jelutong pada 2017 sehingga 2020 serta dilantik sebagai Ketua Srikandi Keadilan Negeri Pulau Pinang.

Ketika berkhidmat di Pejabat Ketua Menteri, beliau diberi tanggungjawab mengawal selia stok PPE bagi mencegah penularan COVID-19.

**Perkongsian pengalaman:**

*Ketika sesi pemilihan Sidang Wanita saya telah jatuh sakit. Namun, keadaan ini tidak melemahkan semangat saya, malah saya telah berjuang sehingga berjaya menempatkan diri sebagai perwakilan. Sejak kecil saya mempunyai keazaman untuk menjadi wakil rakyat dan platform ini membantu saya untuk memahami tugas sebagai wakil rakyat.*

**Puan Shanty Pakirisamy**  
**Pembangkang**  
**Konstituensi** : N40 Teluk Bahang



**Profil:**

Puan Shanty merupakan seorang yang bermotivasi tinggi dan suka berjumpa dengan orang baru untuk berkongsi maklumat dan pengalaman. Beliau juga gemar membantu dan membimbing orang lain terutama dalam kehidupan dan mengingatkan mereka bahawa “ia bukan penghujung dunia tetapi ia pilihan yang anda buat dan keputusan adalah milik anda”.

Dalam usahanya memperkasakan wanita lain, beliau banyak melibatkan diri dengan aktiviti dan kumpulan.

Dalam bidang kepimpinan beliau merupakan seorang ahli JPWK, menjadi mentor di LeanIn Penang dan sering memberi ceramah dan berkongsi pengalaman hidup sendiri dalam bengkel pemerkasaan wanita. Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam Pengkomputeran dan Sistem Maklumat serta ibu tunggal kepada anak gadis berusia 10 tahun.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita telah membuka mata saya tentang politik dan memberikan saya pengalaman yang dapat saya kongsikan dengan wanita lain. Ini adalah platform yang baik untuk mereka yang berminat dan ingin melibatkan diri dalam politik. “Bersuara untuk hak anda, jika tidak, tiada apa yang akan didengari”.*

**Puan Amy Sue-Shi Leong**  
**Konstituensi** : N6 Telok Ayer Tawar



**Profil:**

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dari USM dan mempunyai pengalaman hampir 20 tahun dalam industri kesihatan dan penjagaan warga emas. Beliau memegang jawatan Pengerusi MPKK Kampung Sireh Kebun Nyior, Pulau Tikus sejak tahun 2021.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita memberi pengalaman secara hands-on kepada peserta yang tidak mempunyai pengalaman dalam politik. Peserta perlu berbahas berkenaan dasar dan isu-isu penting. Melalui pengalaman yang diperoleh, saya boleh menyumbang dalam politik demi pembangunan komuniti.*

**Puan Shameera Nasreen Ahamed Noordeen**  
**Konstituensi** : N9 Bagan Dalam



**Profil:**

Puan Shameera merupakan mahasiswa yang aktif menyertai pelbagai platform untuk menyerlahkan semangat kepimpinannya. Ini terbukti apabila beliau juga menyertai Parlimen Wanita Muda, mewakili P045 Bukit Mertajam. Beliau mengutarkan isu keganasan rumah tangga sebagai isu utama.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda tahun 3 di UMK ini sedang menuntut dalam bidang Sains Sumber Asli (Sains Gunaan). Merupakan seorang yang bergiat aktif dalam bidang pengucapan awam serta merupakan mantan Timbalan Setiausaha Majlis Perwakilan Pelajar.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita telah mengajar saya bidang kuasa dan tanggungjawab seorang ADUN. Platform seperti ini perlu diteruskan lagi untuk memperkasakan kaum wanita dalam pelbagai bidang terutamanya bidang politik.*

**Puan Nur Aishah Zainol**  
**Konstituensi : N11 Permatang Pasir**



**Profil:**

Beliau merupakan mahasiswi yang bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawanan sejak zaman universiti dengan menjayakan program misi kemanusiaan ke Banda Aceh dan Kemboja. Beliau juga terlibat dalam mewujudkan proses pembelajaran antara USAS dan State Islamic University Ar-Raniry.

Beliau kini memegang jawatan sebagai Pegawai Seranta serta telah berkecimpung dalam bidang keusahawanan sejak 6 tahun yang lalu dengan menubuhkan Muda Surprise.

Beliau merupakan seorang pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah Gunaan di USAS dan kini pelajar tahun 2 Sarjana Muda Undang-Undang di UIA.

**Perkongsian pengalaman:**

*Percayalah pada slogan 'Women Power' wanita mampu mengguncang dunia. Dengan program sebegini mampu membuka mata dan peluang untuk mendengar suara wanita-wanita hebat dan memikul tanggungjawab besar dalam DUN walaupun tempoh 1 hari.*

*Wanita itu hebat! Percayalah hebat itu dalam genggaman kita, jadi buktikan dengan cara kita sendiri!*

**Puan Lee Siew Wan**  
**Konstituensi : N13 Berapit**



**Profil:**

Beliau merupakan seorang sukarelawan yang aktif dalam NGO dalam memberi sokongan emosi kepada individu yang mengalami tekanan mental.

Beliau merupakan graduan Kejuruteraan Kimia dan Proses dari UKM yang mempunyai pengalaman bekerja selama 20 tahun, khususnya dalam bidang Kejuruteraan Teknologi Alam Sekitar untuk sektor perindustrian.

**Perkongsian pengalaman:**

*Penglibatan saya sebagai wakil dalam Sidang Wanita telah memberi pengetahuan baharu terutama dalam hal-hal berkaitan kesaksamaan gender, sistem perundangan, penggubalan polisi dan sesi DUN. Sidang Wanita merupakan satu program yang efektif untuk mencungkil bakat wanita menceburi bidang politik. Program ini menawarkan satu platform untuk golongan wanita melatih diri agar dapat melayakkan diri menjadi wakil rakyat.*

**Puan Che Maziah Hamid**  
**Konstituensi : N14 Machang Bubuk**

**Profil:**

Beliau merupakan anak jati Pulau Pinang yang berasal dari Gelugor. Puan Che Maziah banyak melibatkan diri dalam organisasi Pertubuhan Kebajikan Annur yang aktif membantu keluarga asnaf serta daif. Beliau sering mendekati golongan ini dengan lebih rapat untuk mendengar masalah serta meringankan beban keluarga asnaf. Di samping itu, beliau juga terlibat dalam memberi sumbangan atau penganjuran aktiviti amal.

Puan Che Maziah pernah bekerja di sektor perkilangan selama 21 tahun sebelum mencebur入 bidang perniagaan. Beliau merupakan seorang wanita yang berdikari dan mempunyai syarikat pelancongan sendiri iaitu Almaziah Mobility Travel and Tours. Dalam bidang pendidikan, beliau mempunyai kelulusan dalam Pentadbiran Perniagaan dari OUM.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sebelum ini saya tidak pernah terfikir untuk menjadi ahli politik tetapi sifat ingin tahu telah membawa saya ke Sidang Wanita. Platform ini banyak mengajar saya untuk menyuarakan pendapat tentang sesuatu perkara jika ada kemusykilan kerana tidak ada betul atau salah ketika bersuara.*

**Puan Siti Nur Syahirah Ahmad Shahril Sham**  
**Konstituensi : N17 Bukit Tengah**

**Profil:**

Beliau merupakan sukarelawan yang aktif dalam program pembangunan komuniti sehingga pernah terpilih mewakili Malaysia sebagai sukarelawan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi ke Green Summer Volunteer Campaign, Vietnam pada 2019. Beliau juga terpilih sebagai delegasi Asian Cooperative Programme (Malaysia, Japan, Indonesia) bagi membincangkan isu pengurusan COVID-19 di setiap negara.

Puan Siti Nur adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Pengurusan Kerja Sosial, dari UUM dan kini berkhidmat sebagai Pegawai Program Bahagian Keterangkuman Gender, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.

**Perkongsian pengalaman:**

*Inisiatif perlaksanaan Sidang Wanita telah membuka peluang kepada wanita untuk menunjukkan bakat dan keupayaan dalam bidang kepimpinan. Platform ini telah memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang isu wanita khususnya dalam kepimpinan dan politik di Pulau Pinang. Saya berharap Sidang Wanita dapat diteruskan khususnya kepada graduan dan anak muda yang masih mencari jalan yang sesuai untuk masa depan.*

**Puan Jayanti Kandayah**  
**Konstituensi : N18** Bukit Tambun



**Profil:**

Beliau merupakan salah seorang pengasas Peace Children Care Centre iaitu sebuah rumah perlindungan bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Beliau seorang yang bersemangat dan komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan mula bergiat dalam kerja sukarelawan sejak 2016. Beliau kini memegang jawatan sebagai EXCO Persatuan Kebajikan Asas Pulau Pinang dan Penolong Setiausaha Kehormat bagi PG Care Society.

Pemegang Ijazah Sarjana Sumber Manusia ini mempunyai pengalaman bekerja di syarikat MNC selama 25 tahun. Beliau juga aktif dalam sukan dan pernah mewakili Malaysia dalam sukan hoki. Selain itu, beliau juga bekas ahli Angkatan Tentera Laut Simpanan.

**Perkongsian pengalaman:**

*Saya bersyukur kerana terpilih dan diberi peluang untuk menyertai Sidang Wanita. Pengalaman yang amat saya hargai kerana berpeluang untuk membentangkan isu-isu rakyat di DUN. Saya juga berpeluang bertemu dengan wanita-wanita lain yang berbakat serta pemimpin yang berkhidmat demi kepentingan masyarakat. Sememangnya sebuah memori yang akan saya hargai.*

**Puan Geetha V Balakrishnan**  
**Konstituensi : N19** Jawi



**Profil:**

Puan Geetha merupakan seorang ibu kepada 4 orang cahaya mata. Beliau telah menceburji bidang perniagaan selama 23 tahun dan mempunyai motivasi yang tinggi dalam setiap perkara yang dilakukan. Beliau suka akan cabaran dan mencari penyelesaian kepada apa jua perkara dalam kehidupan seharian.

**Perkongsian pengalaman:**

*Wanita perlu tabah dan gigih dalam apa jua masalah yang dihadapi dan terus cekal mengharunginya.*

**Puan Dr. S. Thanam Subramaniam**  
**Konstituensi : N20 Sungai Bakap**

**Profil:**

Beliau berpengalaman dalam membantu komuniti setempat terutamanya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Beliau juga memegang jawatan sebagai Setiausaha Taman Sri Rambai 2, 3 dan 4 selama 3 tahun. Selain itu, beliau pernah terlibat dalam mempromosikan platform digital bersama Digital Penang dalam usaha untuk memastikan seluruh rakyat Pulau Pinang menggunakan platform digital.

Beliau merupakan pemegang PhD dalam Perancangan Bandar dan Wilayah dari USM. Beliau pernah berpengalaman sebagai Penyelidik Sosial dan sebagai pensyarah di beberapa buah kolej dan universiti. Kini beliau bekerja sebagai Pegawai Seranta YB Puan Chong Eng.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sebuah pengalaman yang unik kerana saya berpeluang untuk menjalankan kajian tentang kawasan perwakilan yang telah diberikan. Saya perlu mengenal pasti isu-isu yang dihadapi di kawasan tersebut dan berbincang bersama dengan ADUN sebenar. Melalui platform ini saya memberanikan diri untuk membuat pembentangan hujah-hujah yang berkaitan isu yang telah dikaji.*

**Puan Nor Faridah Sariff**  
**Konstituensi : N23 Air Putih**

**Profil:**

Usahawan wanita ini menjalankan perniagaan rempah di bawah jenama Shiffa di Pulau Pinang. Beliau bercita cita untuk membina empayar perniagaan yang lebih besar supaya dapat mencipta peluang pekerjaan kepada semua ibu tunggal di Pulau Pinang. Dalam aktiviti kemasyarakatan pula, beliau merupakan seorang yang aktif dalam persatuan dan merupakan Ketua Usahamita Cawangan Barat Daya. Beliau telah banyak membantu ramai usahawan muda untuk mendapatkan bantuan dan geran daripada pelbagai agensi kerajaan.

Puan Nor Faridah merupakan seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda dari USM.

**Perkongsian pengalaman:**

*Pengalaman dalam Sidang Wanita sangat berharga yang tidak akan diperoleh di tempat lain. Saya bersyukur kepada Allah kerana terpilih dalam sidang kali ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PWDC kerana memberi ruang dan peluang untuk saya bersama rakan-rakan untuk menimba ilmu dan pengalaman.*

**Puan Cheoh Mooi Kim**

**Konstituensi** : N24 Kebun Bunga



**Profil:**

Beliau merupakan seorang usahawan yang memegang pelbagai jawatan dalam syarikat pengurusan projek, produksi kreatif dan media pendidikan. Beliau berpengalaman bekerja dan belajar di luar negara dalam jawatan pengurusan. Beliau sentiasa mengikuti kursus-kursus untuk meningkatkan diri dari masa ke masa dari pelbagai bidang untuk meningkatkan potensi diri.

Selaku jawatankuasa dan sukarelawan di beberapa buah NGO, beliau giat dalam membantu ahli-ahli NGO dengan berkongsi ilmu dan kepakarannya. Perjuangan beliau ialah memupuk imej positif dan pemikiran wanita sebagai pembina negara dan bukannya objek seksual yang dieksloitasi oleh perkembangan dunia.

**Perkongsian pengalaman:**

*Perubahan dan perkembangan negara seharusnya bermula daripada suara wakil rakyat yang berperanan dalam menggubal polisi untuk kesaksamaan dan kesejahteraan rakyat terutamanya wanita.*

*“Wanita gembira, keluarga bahagia, masyarakat makmur, negara gemilang”.*

**Puan Dr Lalitha Ramasamy**

**Konstituensi** : N25 Pulau Tikus



**Profil:**

Beliau merupakan seorang sukarelawan yang sentiasa terlibat aktif dalam aktiviti yang melibatkan pemerkasaan wanita. Hal ini termasuklah sebagai aktivis yang memperjuangkan hak asasi wanita dan menentang keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Beliau banyak melakukan advokasi dan ceramah kesedaran berkenaan keganasan rumah tangga dan keterangkuman gender. Beliau merupakan “First Support Point” dan juga ahli Skuad Waja dalam mencegah keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Beliau merupakan pemegang PhD dalam bidang Perniagaan (Pemerkasaan Wanita Dalam Perniagaan). Beliau berpengalaman mengajar Pengurusan Perniagaan di universiti swasta selama 20 tahun.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sebelum menyertai Sidang Wanita saya tidak begitu berminal menceburi politik. Setelah menyertai dan mengikuti setiap fasa dalam Sidang Wanita, persepsi saya terhadap dunia politik telah berubah sama sekali. Saya mula mengenali potensi diri saya. Saya sedar masa depan terletak dalam tangan pemimpin politik yang menyedari bahawa kepentingan awam adalah lebih besar daripada segalanya.*

**Puan Annsley Dashawna Stephen**  
**Konstituensi : N27 Pengkalan Kota**

**Profil:**

Beliau seorang yang aktif menyertai pelbagai platform untuk menonjolkan bakat kepimpinannya termasuklah menyertai Parlimen Wanita Muda. Di samping itu, beliau juga sukarelawan Jawatankuasa Unit Perhubungan Awam untuk Dewan Belia India Malaysia serta AJK Sanitary Bank Malaysia.

Beliau berpegang kepada prinsip “menyayangi setiap orang sebagaimana Tuhan menyayangi kita”, beliau berharap lebih ramai lagi wanita tampil berani bersuara dan perjuangan mereka terus diperkasakan.

Annsley merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dengan kepujian dari MSU.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 telah memberi pendedahan yang membantu saya memahami arena politik dengan mendalam. Wakil-wakil rakyat juga sangat supportive dengan memberi sokongan yang padu kepada para peserta. Persidangan ini memberi pengalaman yang menyeluruh kepada saya kerana perlu menyediakan hujah dan usul seperti seorang wakil rakyat sebenar.*

**Puan Nur Amelia Osman**  
**Konstituensi : N28 Komtar**

**Profil:**

Beliau pernah menyandang sebagai Ketua Juruaudit Dalaman dan menamatkan kerjayanya pada usia 33 tahun untuk memberi tumpuan penuh dalam aktiviti kemasyarakatan, keluarga serta perniagaan. Beliau aktif membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga dengan menyertai beberapa badan NGO untuk menghulurkan bantuan.

Puan Nur Amelia merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang Perburuhan dari UNIMAS.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sekiranya diberi peluang saya ingin memperjuangkan nasib wanita yang tercincir dan diabaikan. Saya mahu membantu wanita mendapatkan sokongan kewangan dan diberi jalan keluar daripada masalah hidup kerana saya menyifatkan wanita adalah tunjang kepada pembentukan keluarga bahagia.*

**Puan Fazilah Harun**  
**Konstituensi : N30 Sungai Pinang**



**Profil:**

Mahasiswi ini merupakan seorang yang aktif sewaktu zaman belajar dengan menyertai pelbagai program di peringkat universiti dan kebangsaan serta program-program kesukarelawanan. Beliau pernah mewakili universiti untuk program kolokium di Hiroshima University, Japan dan Shiah Kuala Universiti, Indonesia.

Beliau juga terlibat dengan program-program yang membantu meningkatkan pendapatan komuniti khususnya di Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu, keinginan untuk tampil ke hadapan mewakili suara masyarakat amat kuat khususnya para wanita yang kurang menerima manfaat daripada pembangunan negara.

Merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sejarah dan Dasar & Pentadbiran Awam dari USM dan kini berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir di Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat, USM.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita membantu wanita yang berhasrat untuk terlibat dalam bidang politik kerana mereka akan didedahkan dengan selok-belok dunia politik. Saya yakin dan percaya program ini telah membuka mata masyarakat bahawa pentingnya perwakilan wanita bersama-sama terlibat dalam pembuatan keputusan demi pembangunan negara yang lebih hebat.*

**Puan Rathiga Kathervallo Pellai**  
**Konstituensi : N31 Batu Lancang**



**Profil:**

Hasrat Puan Rathiga adalah untuk menjadi ejen perubahan dengan mempromosikan kesaksamaan gender serta menghapuskan keganasan terhadap wanita dan memerangi gangguan seksual. Beliau mempunyai banyak pengalaman bekerja dalam bidang korporat termasuklah menjadi perunding dan pembekal tenaga kerja dalam beberapa industri seperti elektronik, pembuatan, kereta, makanan, teknologi maklumat, kejuruteraan, perubatan, keselamatan, logistik, media dan hiburan serta pergudangan .

Beliau memperoleh Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari University of Lincoln dan merupakan pengarang buku “*You’re Hired! Performance Secrets That Always Lead to Higher Income*”.

**Perkongsian pengalaman:**

*Saya sangat menghargai dan berasa bangga atas usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menganjurkan Sidang Wanita sebagai salah satu usaha untuk memperkasakan kaum wanita. Program ini telah memberi fokus dalam mencungkil bakat wanita yang berperanan penting dalam pelbagai bidang terutama bidang politik. Platform ini telah memberi peluang kepada saya menyertai proses perbahasan sebagaimana wakil rakyat bersuara di dalam DUN.*

**Puan Nur Rabbiah Nur Iskandar**  
**Konstituensi : N32 Seri Delima**

**Profil:**

Mahasiswi ini merupakan antara peserta yang masih dalam pengajian semasa menyertai Sidang Wanita Pulau Pinang 2021. Merupakan seorang pelajar jurusan Kajian Antarabangsa di UNIMAS, beliau berminat untuk menyertai bidang politik dan bercita-cita untuk menjadi salah seorang yang dapat membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang mementingkan kesaksamaan gender.

Menurut beliau, penyertaan dalam Sidang Wanita adalah kerana sokongan tanpa berbelah bahagi daripada penyelia iaitu Cik Haziqah ketika sedang menjalankan latihan industri di PWDC.

**Perkongsian pengalaman:**

*Penyertaan dalam Sidang Wanita merupakan pengalaman yang membuka mata saya tentang kepentingan platform seperti ini dalam memberi pendedahan tentang keadaan sebenar di dalam DUN semasa bersidang. Saya berpendapat wanita yang berminat menyertai politik tetapi tiada keyakinan dan pengetahuan perlu menyertai Sidang Wanita.*

**Puan Khng Wei-Wen**  
**Konstituensi : N33 Air Itam**

**Profil:**

Beliau merupakan seorang Pegawai Khas di Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari *University of London*.

**Perkongsian pengalaman:**

*Sidang Wanita ini telah memberi banyak manfaat kepada saya dari pelbagai aspek khususnya dalam menambahkan pengetahuan dan kemahiran diri. Program Sidang Wanita yang komprehensif ini telah memberi peluang kepada saya untuk lebih berani tampil ke depan, bersuara bagi mengutarakan isu-isu relevan dan pandangan dengan lebih holistik.*

**Puan Noor Batrisyia Ahza Mohamad Imran**  
**Konstituensi : N35 Batu Uban**



**Profil:**

Mahasiswi UniMAP ini bergiatan aktif dalam Kelab Yayasan Dakwah Islamiah dan memegang jawatan sebagai Bendahari. Bukan itu sahaja, beliau sering menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang bulan Ramadhan kepada pelajar universiti.

Hobi beliau adalah membaca buku yang berkaitan dengan perniagaan kerana beliau merupakan seorang usahawan. Beliau adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan Antarabangsa. Pada hujung minggu, beliau sering meluangkan masa dengan menunggang kuda.

**Perkongsian pengalaman:**

*Bagi saya menjadi seorang pelajar dan usahawan pada waktu yang sama tidaklah mudah namun saya yakin dengan bakat dalam diri saya. Saya telah bergiatan aktif dalam bidang perniagaan sejak di bangku sekolah lagi. Semasa pandemik COVID-19, saya telah mewujudkan produk jenama saya sendiri "Badgirl Bundle" yang menjual pakaian terpakai. Jualan saya mendapat sambutan ramai di Tik Tok mencapai RM 20 ribu.*

**Puan Norazian Saad**  
**Konstituensi : N36 Pantai Jerejak**



**Profil:**

Merupakan seorang yang berminat dalam misi bantuan kemasyarakatan dan keusahawanan. Beliau juga berwawasan dan dinamik dalam membantu pembangunan wanita dan kanak-kanak di Malaysia.

Anak jati Balik Pulau ini pernah berkecimpung dalam bidang kewangan lebih 20 tahun. Beliau kini adalah pengedar mesin air tersohor iaitu Kangan Water selama 8 tahun. Beliau pernah melanjutkan pelajaran di asrama penuh dan kemudiannya di Amerika Syarikat.

**Perkongsian pengalaman:**

*Bagi saya pengalaman mengikuti program Sidang Wanita sangat menarik. Saya dapat berkenalan dengan ramai wanita yang berminat dalam bidang politik, korporat dan keusahawanan. Saya belajar daripada wakil rakyat yang berkongsi pengalaman, gerak kerja dan keperluan sebagai seorang ADUN. Syabas kepada semua peserta dan juga tenaga pengajar yang telah membimbing, berkongsi pengalaman dan memberi banyak maklumat yang sangat berguna pada saya.*

**Puan Shahira Parvin Dato' Abdul Aziz**  
**Konstituensi : N38 Bayan Lepas**

**Profil:**

Beliau merupakan Penggerusi Persatuan Kebajikan Awam Malaysia Pulau Pinang serta pengasas dan pemilik Nasi Kandar RM1 yang menjual makanan dengan harga RM 1 sahaja untuk setiap item. Sumbangan beliau sangat besar dalam membantu masyarakat kerana beliau juga adalah Penolong Pegawai Undang - Undang selama hampir 20 tahun. Beliau berharap agar dapat menjadi wakil rakyat sebenar dan bersidang di DUN Pulau Pinang suatu hari nanti demi membela nasib wanita.

Beliau juga graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dari USM.

**Perkongsian pengalaman:**

*Saya sangat bersyukur kerana dapat menjadi salah seorang peserta Sidang wanita 2021. Platform ini telah mencungkil bakat dan menyerlahkan ciri-ciri kepimpinan yang saya miliki. Saya berharap dapat membawa lebih ramai wanita ke sidang ini pada masa akan datang. Teruskan usaha murni ini. Tahniah!*

**Puan Nurul Iman Darus**  
**Konstituensi : N39 Pulau Betong**

**Profil:**


Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Seranta di Parlimen Balik Pulau dan aktif dalam bidang politik dan aktiviti kesukarelawanan sejak 13 tahun yang lalu. Beliau juga telah dilantik sebagai Setiausaha Wanita PKR Cabang Balik Pulau. Beliau menyeru lebih ramai penglibatan wanita dalam bidang politik kerana beliau yakin wanita mampu menjadi ejen perubahan kepada corak politik Malaysia.

Dalam bidang pendidikan, beliau merupakan pelajar lulusan dari UiTM dalam Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan. Beliau merupakan seorang pelajar yang cemerlang kerana pernah menerima Anugerah Naib Canselor serta pernah dinobatkan sebagai Anugerah Siswazah Terbaik Program oleh UiTM pada tahun 2015.

**Perkongsian pengalaman:**

*Pengalaman terpilih menjadi "YB sehari" di Sidang Wanita ini cukup berharga buat saya kerana platform ini berjaya mengumpul ramai wanita yang hebat dan berpotensi untuk diangkat sebagai pemimpin wanita pada masa hadapan. Program Sidang Wanita perlu diteruskan bagi melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang mampu di Pulau Pinang.*

## *Pelan Tempat Duduk Perwakilan*



# Barisan Pembantu EXCO




No	No. Rujukan / Nama	Penetapan KADUN / Portfolio EXCO
01	[SW270] Rachel Tan Chin Hong	N25 - Padang Kota (KM) EXCO Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi
02	[SW064] Jasniza Jamaluddin	N03 - Pinang Tunggal (TKM1) EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkassan Komuniti
03	[SW020] Buwaneswari Peramalu	N16 – Perai (TKM2) EXCO Pembangunan Modal Insan, Pendidikan Dan Sains & Teknologi
04	[SW104] Malathysantanasamy	N15 - Padang Lalang EXCO Pembangunan Sosial Dan Hal Ehwal Bukan Islam
05	[SW152] Nurhidayah Binti Che Rose	N29 - Datok Keramat EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
06	[SW175] Premala Copal	N07 - Sungai Puyu EXCO Alam Sekitar Dan Kebajikan
07	[SW182] Ratanamala Thannimalay	N22 - Tanjong Bunga EXCO Infrastruktur Dan Pengangkutan
08	[SW200] Saraswathidevi Saminathan	N37 - Batu Maung EXCO Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan
09	[SW201] Sarifatul Aini Zaimuddin	N34 - Paya Terubong EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif
10	[SW214] Shareena Nair Muhammad Ridhwan	N08 - Bagan Jermal EXCO Belia Dan Sukan
11	[SW241] Teng Lai Lin	N12 – Penanti EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan

# Infografik dan Statistik Perwakilan


## Statistik Peserta Mengikut Etnik

Etnik	Bilangan	Peratusan
Melayu	17	42.5%
Cina	9	22.5%
India	11	27.5%
Lain-lain	3	7.5%
Jumlah	40	100%




## Statistik Peserta Mengikut Daerah Tempat Tinggal

Daerah	Bilangan	Peratusan
Daerah Timur Laut	12	30%
Daerah Barat Daya	9	22.5%
Daerah Seberang Perai Utara	7	17.5%
Daerah Seberang Perai Tengah	6	15%
Daerah Seberang Perai Selatan	4	10%
Luar Pulau Pinang	2	5%
Jumlah	40	100%



## Statistik Peserta Mengikut Tahap Pendidikan



## Pecahan Keahlian Mengikut Parti Politik



**24 (60%)**  
Bukan Ahli Parti  
**16 (40%)**  
Ahli Parti



# *Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 & Sekretariat*



Penaung  
**YB Puan Chong Eng**  
EXCO Pembangunan Sosial & Hal Ehwal Bukan Islam



Pengerusi Jawatankuasa Petugas  
**YB Puan Lim Siew Khim**  
ADUN Sungai Pinang



Jawatankuasa Petugas  
**YB Puan Kashuriraani Patto**  
Ahli Parlimen Batu Kawan



Jawatankuasa Petugas  
**YB Puan Syerleena Abdul Rashid**  
ADUN Sungai Pinang



Jawatankuasa Petugas  
**Puan Ong Bee Leng**  
Ketua Pegawai Eksekutif PWDC



Sekretariat  
**Puan Evon Lim**

Ketua Bahagian Pemerkasaan Wanita Dan Kepimpinan



Sekretariat  
**Encik Izwan Ali Imran Wazani**

Pegawai Kanan Program Pemerkasaan Wanita Dan Kepimpinan (Ketua Sekretariat)



Sekretariat  
**Puan Rafiqah Mohd Razlan**

Pegawai Kanan Program Pemerkasaan Wanita Dan Kepimpinan



Sekretariat  
**Cik Mazidah Musa**

Pegawai Program Pemerkasaan Wanita Dan Kepimpinan



Sekretariat  
**Puan Hanis Isnin**

Pegawai Program Pemerkasaan Wanita Dan Kepimpinan



Sekretariat  
**Cik Nur Ain Suraya Ibrahim**

Pegawai Program Pemerkasaan Wanita Dan Kepimpinan



Sekretariat  
**Encik Muhammad Farid Arsyad Foad**

Pegawai Program Pemerkasaan Wanita Dan Kepimpinan

## Penerbitan

- Encik Izwan Ali Imran Wazani (Ketua)
- Cik Mazidah Musa
- Cik Nur Azira Abdullah
- Puan Rafiqah Mohd Razlan
- Puan Nurul Hanis Isnin

## Rapporteur

- Cik Nur Azira Abdullah

## Pelapor Lapangan

- Cik Nur Azira Abdullah (Ketua)
- Puan Siti Humaira Mohamed Yasin
- Puan Syahfah Hawa Zamzuri

## Pembantu Sekretariat

- Cik Nur Azira Abdullah (Ketua)
- YBhg Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah
- Puan Berine Loo Gaik Sim
- Puan Syahfah Hawa Zamzuri
- Puan Goh Siew Kim
- Puan Siti Humaira Mohamed Yasin
- Puan Jamilah Begam Mohd Nagorgani
- Puan Che Farah Che Roslan
- Puan Aiman Fasihah Ahmad
- Puan Dzullijah Ibrahim
- Puan Noorzwani Mohamad Imran
- Puan Noor Zamzuraida Binti Noordin
- Puan Mily Coh Huey Ee
- Puan Nurul Aina Jamaluddin

# *Sekalung Penghargaan*



- YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang
- YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
- YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1
- YB Prof. Dr. P.Ramasamy Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2
- YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam
- YB Tuan Jagdeep Singh Deo Karpal Singh, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
- YB Tuan Phee Boon Poh, EXCO Alam Sekitar Dan Kebajikan
- YB Tuan Zairil Khir Johari, EXCO Infrastruktur Dan Pengangkutan
- YB Dato' Haji Abdul Halim Haji Hussain, EXCO Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan
- YB Tuan Yeoh Soon Hin, EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif
- YB Tuan Soon Lip Chee, EXCO Belia Dan Sukan
- YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin, EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan
- YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang
- YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid, ADUN Seri Delima
- YB Puan Heng Lee Lee, ADUN Berapit
- YB Tuan Daniel Gooi, Zi Sen, ADUN Pengkalan Kota
- YB Tuan Chris Lee Chun Kit, ADUN Pulau Tikus
- YB Tuan Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun
- YB Tuan Hj Mohd Tuah bin Ismail, ADUN Pulau Betong
- YB Tuan Joseph Ng Soon Siang, ADUN Air Itam
- YB Tuan Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubok
- YB Tuan H'ng Mooi Lye, ADUN Jawi
- YB Tuan Muhammad Faiz Fadzil, ADUN Permatang Pasir
- YB Tuan Kumaresan Aramugam, ADUN Batu Uban
- YB Dato' Mustafa Kamal bin Ahmad, ADUN Telok Ayer Tawar
- YB Puan Kasthuriraaniraani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan
- YB Puan Maria Chin Abdullah, Ahli Parlimen Petaling Jaya
- YB Puan Nurul Izzah binti Anwar, Ahli Parlimen Permatang Pauh
- YB Senator Puan Lim Hui Ying, Ahli Dewan Negara
- YB Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek, Ahli Dewan Negara
- YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBhg Dato' Dr Florance Sinniah, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBhg Dr. Wong Lai Yong, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBhg Puan Krista Goon Phooi Kheng, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBhg Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBrs Dr. Zaireeni Azmi, Pensyarah Kanan Unit Penyelidikan Wanita dan Gender
- Puan Aida Yusuf Rawa, Pegawai Penyelaras KADUN Penaga
- Barisan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang 2020

# ***Agenda Pemerkasaan Wanita di Pulau Pinang***

## **1. Polisi dan Dasar Kerajaan Negeri**

- Dasar Keterangkuman Gender
- Dasar Keluarga Selamat
- Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak
- 30 % Perwakilan Wanita
  - > Ahli Majlis
  - > Lembaga Pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri
  - > Majlis Pengurusan Komuniti Kampung



## **2. Struktur dan Mekanisma**

- Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)



## **3. Program dan Platform Pemerkasaan Wanita**

- Sidang Wanita Pulau Pinang
- Bengkel Pembangunan Kepimpinan Wanita
- Wanita Jana Rezeki
- *Penang Women Entrepreneur Mentoring Programme*



## **4. Kempen**

- Sambutan Hari Wanita Sedunia
- Sambutan Hari Pekerja
- Sambutan Hari Keluarga
- *Penang Goes Orange*



# *Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang (ASWIP)*

## *Matlamat*

—1  
Memperbanyakkan perwakilan dari golongan wanita dalam pertubuhan.

—2  
Memperjuangkan dasar kesamarataan dan kesaksamaan antara gender di Malaysia.

—3  
Memartabatkan golongan wanita ke peringkat paling tinggi.

—4  
Mengambil bahagian dalam rancangan pembangunan dan kebijakan yang akan memberi faedah kepada ahli pertubuhan, masyarakat dan institusi

—5  
Malahirkan masyarakat penyayang dan menghormati hak-hak wanita.

—6  
Memperkasakan peranan dan kepentingan wanita dalam:  
1. Urus tadbir negara  
2. Komuniti  
3. Keluarga

## *Ahli Pertubuhan*

*Pengerusi*  
**Cik Goh Huey Ee**

*Timbalan Pengerusi*  
**Puan Syahifah Hawa Binti Zamzuri**

*Seriusaha*

**Cik Siti Humaira Binti Mohamed Yasin**

*Penolong Seriusaha*

**Cik Ragini A/P Gunasekaran**

*Bendahari*

**Puan Jamilah Begam Binti Mohamad Nagorgani**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Che Farah Binti Che Roslan**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Shahira Parvin Binti Dato' Abdul Aziz**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Siti Fari Hah Binti Zonol**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Loo Gaik Sim**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Che Maziah Binti Hamid**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Aiman Fashehah Binti Ahmad**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Khor Kar Tien**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Tan Teen Choo**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Nurul Syazwani Binti Shafery**

*Ahli Jawatankuasa*

**Puan Ooi Mei Mei**



**Imbas Kod QR  
Untuk Maklumat Lanjut**

# Glosari

<b>ADUN</b>	Ahli Dewan Undangan Negeri
<b>AJK</b>	Ahli Jawatankuasa
<b>APM</b>	Angkatan Pertahanan Malaysia
<b>BERNAMA</b>	The Malaysian National News Agency
<b>CDERT</b>	Pasukan Sukarelawan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam
<b>COVID-19</b>	Coronavirus Disease
<b>DAP</b>	Democratic Action Party
<b>DUN</b>	Dewan Undangan Negeri
<b>EXCO</b>	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
<b>IPT</b>	Institut Pengajian Tinggi
<b>JPWK</b>	Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga
<b>KADUN</b>	Kawasan Dewan Undangan Negeri
<b>KOMTAR</b>	Kompleks Tun Abdul Razak
<b>KPT</b>	Kementerian Pengajian Tinggi
<b>MNC</b>	Multinasional Corporation
<b>MPKK</b>	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
<b>NGO</b>	Badan Bukan Kerajaan
<b>OKU</b>	Orang Kelainan Upaya
<b>OUM</b>	Open University Malaysia
<b>Parlimen</b>	Dewan Rakyat
<b>PhD</b>	Doktor Falsafah
<b>PKR</b>	Parti Keadilan Rakyat
<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>PPE</b>	Personal Protective Equipment
<b>PWDC</b>	Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang
<b>Senator</b>	Ahli Dewan Negara
<b>SMK</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan
<b>TWOAS</b>	Kerusi Tambahan Untuk Wanita Sahaja
<b>UIA</b>	Universiti Islam Antarabangsa
<b>UiTM</b>	Universiti Teknologi Mara
<b>UKM</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>UMK</b>	Universiti Malaysia Kelantan
<b>UMNO</b>	United Malays National Organisation
<b>UniMAP</b>	Universiti Malaysia Perlis
<b>UNIMAS</b>	Universiti Malaysia Sarawak
<b>UPM</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>USAS</b>	Universiti Sultan Azlan Shah
<b>USM</b>	Universiti Sains Malaysia
<b>YB</b>	Yang Berhormat
<b>Zoom</b>	<i>Zoom Video Communication</i>

## *Visi*



PWDC mengaggaskan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang memegang kepada amalan kesaksamaan substantif antara wanita dan lelaki, tadbir urus yang baik dan keadilan sosial.

## *Misi*



PWDC berusaha untuk mengarusperdanakan gender ke dalam polisi utama, program dan amalan sektor awam dan untuk mengubah struktur dan budaya melalui advokasi, pembangunan kapasiti dan perkongsian strategik dengan pelbagai lapisan masyarakat.

## *Objektif*



1. Memberi sokongan kepada kapasiti Kerajaan Negeri dan tempatan dalam usaha mengintegrasikan perspektif gender dalam polisi, program dan amalan.
2. Memantapkan kepimpinan dan peranan wanita serta meningkatkan penyertaan wanita dalam politik.
3. Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.



## Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang

- ✉ Tingkat 47, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang, Malaysia
- 📞 +604 261 2835 / 261 5261
- 📠 +604 261 2839
- ✉️ wel@pwdc.org.my
- 🌐 www.pwdc.org.my

